A

Pendakwa Raya lwn Mahadzir bin Yusof dan satu lagi

B

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–19 TAHUN 2003
AHMADI ASNAWI PK
12 JUNE 2008

C

Keterangan — Laporan kimia — Kebolehterimaan — Sama ada memenuhi keperluan s 399 Kanun Acara Jenayah — Sama ada boleh diterima

D

Keterangan — Saksi — Kredibiliti — Saksi yang melihat kejadian — Sama ada keterangan konsisten dan tanpa percanggahan — Sama ada saksi yang berkepentingan — Sama ada 'accomplice' — Sama ada disokong oleh keterangan lain

E

Undang-Undang Jenayah — Niat bersama — Penyertaan dalam tindakan jenayah — Sama ada tertuduh 'acted in concert with each other' — Sama ada niat bersama dibuktikan

F

Undang-Undang Jenayah — Pembunuhan — Niat untuk membunuh — Sama ada dibuktikan — Sama ada tindakan yang dilakukan mempunyai kebarangkalian kematian yang tinggi

G

Undang-Undang Jenayah — Pembunuhan — Pembelaan — Mempertahankan diri — Sama ada tindakan menyerang dan memukul si mati untuk mempertahankan diri — Sama ada tertuduh melepaskan bebanan — Kanun Keseksaan s 300 kecualian 2

H

Kedua-dua tertuduh ('kedua-dua OKT') menghadapi pertuduhan dengan niat bersama melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian Azley bin Abu Bakar di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun') yang dibaca bersama s 34 Kanun. Pakar patologi ('SP14'), melalui laporan post mortem ('P40') mengesahkan si mati mengalami pelbagai kecederaan pada tubuh badannya. Beliau juga mengesahkan bahawa kematian disebabkan oleh kecederaan yang teruk pada bahagian kepala. Saksi mata, SP9 di dalam keterangannya menyatakan bahawa kedua-dua OKT telah memperdaya si mati dan membawa si mati ke Taman Desa Harmoni untuk mendapatkan bahagian wang mereka daripada si mati dari hasil jualan televisyen curi.

I

Tetapi setibanya di sana si mati dipukul/serang di bahagian kepala, belakang badan dan tepi badan oleh kedua-dua OKT dengan menggunakan kayu *baseball* dan parang. Si mati hanya mempertahankan dirinya. SP9 menyatakan bahawa beliau turut terkena pukulan dari kayu baseball semasa cuba menahan pukulan terhadap si mati. Selain daripada itu, pihak pendakwaan juga mengemukakan ID38, salinan dari salinan asal laporan kimia, yang telah diserahkan kepada kedua-dua OKT, kerana salinan asal yang mengandungi tandatangan pengakuan penerimaan oleh kedua-dua OKT tidak ada dalam kertas penyiasatan. Walau bagaimanapun, pihak pembelaan membantah penerimaannya atas alasan bahawa ID38 hendaklah terlebih dahulu diserahkan kepada kedua-dua OKT tidak kurang dari 10 hari dari tarikh perbicaraan kes ini bagi memenuhi keperluan-keperluan di bawah s 399 Kanun Acara Jenayah ('KAJ'). Teras pembelaan kedua-dua OKT adalah bahawa si mati dipukul untuk mempertahankan diri dari serangan si mati yang menyerang dengan menggunakan parang. Isu-isu yang harus diputuskan oleh mahkamah adalah, antara lain, (i) sama ada kematian disebabkan oleh kedua-dua OKT; (ii) sama ada kedua-dua OKT mempunyai niat atau pengetahuan untuk melakukan kesalahan membunuh; (iii) sama ada mereka mempunyai niat bersama; (iv) sama ada SP9 seorang *accomplice*; (v) kemasukan laporan kimia sebagai barang kes; dan (vi) sama ada kecualian 2 s 300 Kanun terpakai sebagai pembelaan.

Diputuskan, mensabitkan dan menghukum kedua-dua OKT dengan hukuman gantung sampai mati:

(1) Berdasarkan fakta-fakta dan keterangan-keterangan yang dikemukakan, mahkamah mendapati bahawa SP9 telah bercakap benar dan keterangannya adalah lebih *probable* kerana keterangannya adalah amat konsisten dan tidak ada percanggahan atau kekeliruan. Malahan keterangan SP9 berkaitan dengan kecederaan yang dialami oleh si mati telah disokong oleh keterangan SP14, pakar patologi yang menyiasat punca kematian si mati dan mengesahkan punca kematiannya. Keterangan SP14 mencadangkan serta menunjukkan bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati adalah akibat dari suatu perbuatan yang disengajakan, yang memfokuskan kepada bahagian yang paling terdedah, lemah dan *vital* tubuh badan si mati. Tidak ada keterangan-keterangan lain yang menunjukkan adanya orang atau pihak lain yang menyebabkan kecederaan-kecederaan tersebut yang secara langsung dan pantas telah menyebabkan kematian si mati, melainkan kedua-dua OKT. Dengan itu, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa kematian si mati adalah disebabkan oleh perbuatan kedua-dua OKT (lihat perenggan 16, 23–24, 31 & 96).

(2) Berdasarkan kepada fakta-fakta dan keterangan-keterangan yang

dikemukakan, khususnya oleh SP14, kecederaan-kecederaan yang dilakukan oleh kedua-dua OKT ke atas si mati membawa serta mempunyai kebarangkalian kematian yang tinggi. Dengan itu perbuatan kedua-dua OKT adalah dilakukan dengan niat untuk membunuh seperti yang diperuntukkan dalam s 300(c) Kanun (lihat perenggan 36).

(3) Di atas fakta kes, jelas bahawa kedua-dua OKT telah 'acted in concert with each other' dari awal-awal lagi untuk menjayakan perencanaan mereka. Kedua-dua mereka telah sama-sama membawa si mati ke tempat kejadian dan telah sama-sama menyerang/memukul si mati. Keterangan-keterangan yang ada adalah cukup 'overwhelming' untuk menunjukkan niat bersama di dalam melakukan kesalahan ini (lihat perenggan 46).

(4) Selanjutnya, berdasarkan keterangan dan prinsip yang digariskan, SP9 bukan seorang *accomplice* seperti diunjurkan oleh pihak pembelaan. Beliau tidak mengambil bahagian memukul si mati seperti yang diakui sendiri oleh pihak pembelaan. Peranan yang dimainkan oleh SP9 dalam kejadian ini hanyalah menanyakan mana bahagian wang hasil jualan televisyen curi kedua-dua OKT. Beliau juga tidak mengetahui atau mengesyaki si mati akan diserang/dipukul dan tidak ada kena mengena dengan serangan/pukulan-pukulan tersebut (lihat perenggan 50 & 52).

(5) Kedua-dua OKT telah mengakui penerimaan penyerahan ID38 dengan menandatangani pengakuan penerimaan dokumen tersebut pada salinan asal laporan kimia itu. Oleh itu mahkamah mendapati keperluan di bawah s 399 KAJ telah pun dipatuhi oleh pihak pendakwaan dan oleh kerana ID38 terangkum di bawah ss 74, 76 dan 77 Akta Keterangan 1950, dokumen ini boleh diterima masuk sebagai keterangan dan ditandakan sebagai ekshibit berdasarkan peruntukan s 32(i) dan (j) Akta yang sama (lihat perenggan 60–61).

(6) Pertimbangan dari keseluruhan kecederaan yang dialami oleh si mati langsung tidak menyokong versi pembelaan. Sebaliknya, kecederaan yang dialami oleh si mati menyokong sepenuh versi SP9 secara material mengenai kejadian yang berlaku. SP9 merupakan seorang saksi yang *forthright*, lurus serta memberikan testimoni yang terus terang. Malah, keterangannya juga adalah konsisten sepanjang masa tanpa percanggahan-percanggahan yang material dan juga konsisten dengan keterangan perubatan seperti dihuraikan oleh SP14. Beliau juga tidak mempunyai apa-apa kepentingan dalam kes ini. Kesimpulannya ialah SP9 adalah seorang saksi yang bercakap benar (lihat perenggan 98).

(7) Kedua-dua OKT gagal atas imbangan kebarangkalian untuk melepaskan bebanan bahawa tindakan-tindakan mereka adalah satu kewajaran *in the exercise of the right of private defence of their persons*

seperti yang diperuntukkan di bawah kecualian 2, s 300 Kanun. Oleh itu, kecualian 2 s 300 Kanun *is not available* kepada kedua-dua OKT (lihat perenggan 100); *Wong Teck Choy v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 693 dan *Sainal Abidin bin Mading v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 497 diikut.

(8) Di akhir kes, jelas bahawa kedua-dua OKT telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Sebaliknya pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya ke atas kedua-dua OKT tanpa keraguan yang munasabah. Dengan itu kedua-dua OKT disabitkan dan dihukum gantung sampai mati (lihat perenggan 103).

[English summary

The two accused person were charged with common intention committed murder causing the death of one Azley b Abu Bakar under s 302 of the Penal Code ('the Code') read with s 34 of the Code. The pathologist ('P14') by his post mortem report ('P40') confirmed that the deceased suffered various injuries on his body. He had also confirmed that the death was caused by fatal injuries to the head. The eyewitness, SP9, in his testimony stated that both the accused had deceived the deceased and brought him to Taman Desa Harmoni to get their part of the money, proceeds from selling a stolen televisyen. But once they reached the place the deceased was beaten/attacked on his head, back and side of his body by both the accused using baseball bat and machete. The deceased only defended himself. SP9 stated that he had also suffered beatings from the baseball bat while trying to protect the deceased. Other than that the prosecution also adduced ID38, a copy from the original chemist report, which had already been served on both the accused, as the original copy which contained the signatures of acknowledgement of receipt of both the accused was missing from the investigation papers. However, the defence opposed the admission on the grounds that ID38 should first be served on both the accused not less than 10 days from the date of the trial to fulfill the requirements under s 399 of the Criminal Procedure Code ('CPC'). The basis of the defence of both the accused was that the deceased was beaten in self defence from the attacted of the deceased who had attacked using a machete. The issues to be determined by the court was, inter alia, (i) whether the death was caused by both the accused; (ii) whether both the accused had the intention or knowledge to commit murder; (iii) whether they had common intention; (iv) whether SP9 was an accomplice; (v) admissibility of the chemist report; and (vi) whether exception 2 of s 300 of the Code applicable as defence.

Held, convicting and sentencing both the accused to death sentence:

(1) Based on the facts and evidence adduce, the court found that SP9 was

speaking the truth and his evidence was more probable as his evidence was very consistent and there was no contradiction or confusion. Moreover, SP9's evidence regarding the injuries suffered by the deceased was corroborated by SP14, the pathologist's, evidence who investigated the cause of the death of the deceased and confirmed the cause of his death. SP14's evidence suggested and showed that the injuries suffered by the deceased was caused by an act that was intended, focusing on the part that was most exposed, weak and vital on the body of the deceased. There was no other evidence to show that there was other person or party whom had caused the injuries which had directly and quickly caused the death of the deceased, apart from both the accused. Therefore, the prosecution had successfully established that the death of the deceased was caused by both the accused (see paras 16, 23–24, 31 & 96).

(2) Based on the facts and evidence adduced, especially by SP14, the injuries caused by both the accused on the deceased brought and had high possibility of death. Thereby, the acts of both the accused was done with the intention to kill as provided in s 300 of the Code (see para 36).

(3) On the facts, it was clear that both the accused had acted in concert with each other from the beginning to achieve their plan. Both had brought the deceased to the scene and had attacked/beat the deceased together. The evidence was overwhelmingly sufficient to prove common intention to commit the wrong (see para 46).

(4) Further, based on the evidence and principles laid down, SP9 was not an accomplice as suggested by the defence. He did not take part in beating the accused as admitted by the defence. The part played by AP9 was merely to ask for both the accused's part of the proceeds of sale of the stolen television. He had no knowledge or suspected that the deceased would be attacked/beaten and had no connection to the attack/beatings (see paras 50 & 52).

(5) Both the accused acknowledged the receipt of service of ID38 by signing the acknowledgement of receipt on the original copy of the chemist report. Therefore the court found that the requirement under s 399 CPC had been complied with by the prosecution and as ID38 was within ss 74, 76 and 77 of the Evidence Act 1950, the document is admissible as evidence and marked as exhibit based on the provisions of s 32(i) and (j) of the same Act (see paras 60–61).

(6) The consideration from all the injuries suffered by the deceased had not supported the defence's version at all. Instead, the injuries fully supported SP9's version materially on the event that took place. SP9 was a forthright, honest witness and had given his testimony straight forward. Moreover, his evidence was consistent at all time without

material contradictions and was also consistent with the medical evidence as clarified by SP14. He did not have any interest whatsoever in this case. The conclusion was that SP9 was a truth speaking witness (see para 98).

(7) Both the accused failed on the balance of probabilities to discharge the burden that their acts was necessary in the exercise of the right of private defence of their person as provided under the exception 2 of s 300 of the Code. Therefore exception 2 of s 300 of the code was not available to both the accused (see para 100); *Wong Teck Choy v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 693 and *Sainal Abidin bin Mading v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 497 followed.

(8) At the end of the case, it was clear that both the accused had failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case. Instead, the prosecution had proved it case against both the accused without any reasonable doubt. Therefore, both the accused were convicted and sentenced to be hanged till death (see para 103).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai pembelaan pembunuhan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1157.
Untuk kes mengenai sama ada niat untuk membunuh dibuktikan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1167.
Untuk kes-kes mengenai kebolehterimaan keterangan dokumentar, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 1090–1099.
Untuk kes-kes mengenai kredibiliti saksi, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 2673–2705.
Untuk kes-kes mengenai penyertaan dalam tindakan jenayah, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 53–54.

Kes-kes yang dirujuk

Harcharan Singh & Anor v PP [2005] 1 MLJ 593 (diikut)
Kuan Ted Fatt v PP [1985] 1 MLJ 211 (diikut)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65 (diikut)
Namasiyiam & Ors v PP [1987] 2 MLJ 336 (diikut)
PP v Abdul Razak bin Dalek [2007] 2 MLJ 255 (diikut)
PP v Lee Poh Chye & Anor [1997] 4 MLJ 578; [1995] 1 LNS 392 (diikut)
PP v Liew Oon Kiong [1991] 3 CLJ 593 (diikut)
Sainal Abidin b Mading v PP [1999] 4 MLJ 497 (diikut)
Tham Kai Yau v PP [1977] 1 MLJ 174 (diikut)
Wong Teck Choy v PP [2005] 4 MLJ 693 (diikut)

Undand-Undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 32(i), (j), 74, 76, 77, 158
Kanun Acara Jenayah ss 399, 399(1)(b), 399(1)(j)

Kanun Keseksaan ss 34, 300(c), 300 Kecualian 2

Abraham Mathew (Sucha Singh & Partners) (Azman bin Ibrahim bersama beliau) (Azman Ibrahim & Co) bagi pihak perayu-perayu.
Haslinda bt Abu Bakar (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Ahmadi Asnawi PK:

[1] Orang kena tuduh Mahadzir bin Yusof ('OKT-1') dan orang kena tuduh Mohd Anuar bin Mat Ripin ('OKT-2') secara bersama, menghadapi pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu dengan memajukan niat bersama antara kamu, pada 18 Disember 2002, di antara jam 2 pagi hingga 4.30 pagi, di tepi Jalan Pisang Raja Udang, Desa Harmoni, di dalam Daerah Kluang, dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian ke atas seorang lelaki Melayu, iaitu Azley bin Abu Bakar, K/P No A3147272 dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan, dibaca bersama s 34, Akta yang sama.

[2] Jenazah si mati (Azley bin Abu Bakar) telah ditemui oleh pihak polis Kluang pada pagi 18 Disember 2002 hasil dari maklumat orang awam di kawasan Jalan Pisang Raja Udang, Taman Desa Harmoni, Kluang. Pada 23 Disember 2002 kira-kira jam 5.30 petang isteri si mati, SP5, telah hadir di Balai Polis Kluang apabila diminta untuk membuat pengecaman ke atas jenazah si mati dan juga kereta jenis Kelisa No JGL 8059 yang digunakan oleh si mati pada waktu yang material. SP-5 telah mengecamkan gambar jenazah si mati, P27(1), sebagai suaminya. Beliau juga mengecam gambar kereta JLG 8059, P28(6) dan (7), sebagai gambar keretanya yang diberi pinjam kepada suaminya, si mati untuk digunapakai.

[3] Pada hari yang sama kira-kira jam 8.30 malam ayah si mati, SP7, telah mengecamkan jenazah si mati sebagai anak lelakinya kepada pegawai penyiasat, SP13, di Hospital Daerah Kluang. Beliau juga telah mengecam gambar si mati P27(1), sebagai gambar jenazah anaknya yang mati.

[4] SP-4, orang yang menemui jenazah si mati tersandar di tepi tebing Jalan Pisang Raja Udang dalam keadaan berlumuran darah setelah dimaklumkan oleh sekumpulan perempuan Cina yang berjoging di kawasan tersebut pada pagi 18 Disember 2002 dan yang kemudiannya membuat laporan polis, juga telah mengecamkan gambar P27(1) sebagai gambar jenazah si mati yang dijumpainya.

[5] Pakar patologi SP14, telah mengesahkan si mati mengalami pelbagai

kecederaan pada tubuh badannya seperti diperincikan dalam laporan post mortemnya, P40. Beliau mengesahkan bahawa si mati mengalami kecederaan yang teruk pada bahagian kepalanya yang mana kecederaan-kecederaan ini telah menyebabkan kematian si mati. Menurutnya punca kematian si mati adalah kecederaan yang teruk pada otaknya.

[6] Atas keterangan-keterangan yang dikemukakan saya berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kematian si mati dan kematian si mati adalah berpunca dari kecederaan-kecederaan yang dialaminya.

SAMA ADA KEMATIAN SI MATI ADALAH DISEBABKAN OLEH KEDUA-DUA OKT

[7] Isu yang seterusnya adalah sama ada kematian si mati adalah disebabkan oleh perbuatan kedua-dua OKT. Terdapat keterangan langsung dari saksi mata, SP9, berkaitan dengan perkara ini.

[8] SP9 menyatakan beliau tidak mengenali si mati sebelum tarikh kejadian. Walau bagaimanapun beliau bersaksi bahawa beliau telah mengenali OKT1 dan OKT2 kira-kira sebulan lebih sebelum hari kejadian.

[9] SP9 menyatakan pada pagi 18 Disember 2002, kira-kira jam 2 pagi kedua-dua OKT mendatanginya di tempat beliau bekerja dan tidur, iaitu di gerai beliau menjual air di Stesyen Bas Kluang. Kedua-dua OKT meminta bantuannya untuk mendapatkan bahagian wang mereka dari hasil jualan televisyen curi yang berada pada si mati. Namun amaunnya tidak dimaklumkan kepada SP9. SP9 bersetuju menolong mereka setakat minta duit sahaja dan beliau telah dijanjikan upah. Beliau turut memberitahu kedua-dua OKT kalau setakat minta wang, jangan sampai pukul.

[10] Menurut SP9 lagi, OKT2 kemudian telah menelefon si mati melalui telefon awam dan meminta si mati datang ke Stesyen Bas Kluang dengan dalih ada komputer yang perlu diambil di Taman Desa Harmoni. Kira-kira 10 minit kemudian si mati sampai ke Stesyen Bas Kluang dengan memandu kereta Kelisa No JGL 8059. Kedua-dua OKT memaklumkan kepada beliau itulah si mati. Setelah sampai ketiga-tiga mereka memasuki kereta yang dipandu oleh si mati. Di dalam kereta itulah SP9 diperkenalkan kepada si mati. OKT1 duduk ditempat duduk hadapan di sebelah pemandu, OKT2 duduk di tempat duduk belakang di belakang pemandu manakala SP9 duduk di tempat duduk belakang di belakang OKT1.

[11] Semasa dalam kereta OKT1 telah memberitahu hendak pergi ke

Taman Desa Harmoni untuk ambil satu komputer curi yang disorokkan di situ. Si mati memandu kereta ke Taman Desa Harmoni dengan OKT1 menunjukkan jalan. Sesampai di Taman Desa Harmoni di antara jam 2 hingga 3 pagi, kereta berhenti di bawah bukit, jalan tanah merah di bahagian yang ada semak. OKT1 keluar daripada kereta, diikuti oleh SP9 dan OKT2, manakala si mati tinggal di dalam kereta. SP9 menambah ketika keluar dari kereta inilah beliau nampak OKT2 mengambil kayu *baseball* yang berada di bawah tempat duduk pemandu (si mati) dan membawanya keluar bersama.

[12] Di tempat ini yang merupakan tempat kejadian pembunuhan, SP9 telah menyatakan:

> … setelah kereta berhenti, Mahadzir keluar dari kereta kerana nak ambil komputer yang disorokkan. Saya dan Anuar turut keluar. Azley masih duduk dalam kereta. Saya dan Anuar keluar dari kereta berpura-pura nak ambil komputer. Sebenarnya tidak ada komputer di situ. Cakap nak pergi ambil komputer sebab nak umpan Azley ke tempat tersebut. Saya tahu di situ tidak ada komputer daripada awal lagi bila di tempat saya lagi, Mahadzir dan Anuar beritahu nak ajak Azley keluar dengan mengata nak ambil komputer di Taman Desa Harmoni. Cadangan berpura-pura ambil komputer curi itu datangnya daripada Mahadzir.
>
> Saya dan Anuar tunggu di atas tebing dan Mahadzir turun ke bawah ke semak berpura-pura cari komputer. Lepas itu Mahadzir minta saya panggil Azley turun untuk tolong angkat komputer sebab komputer berat. Saya pergi ke kereta dan beritahu Azley, Mahadzir suruh turun dan angkat komputer. Azley terus keluar dari kereta dan bersandar di bahagian belakang bonet kereta. Saya pergi ke tempat Azley dan cakap sama dia 'sebenarnya komputer tidak ada. Tujuan mereka ajak Azley ke sini ialah nak tanya mana bahagian dia orang jual tv'. Ketika itu saya sebelah menyebelah dan pegang bahu dia. Azley senyap sahaja. Mahadzir masih di hadapan saya, kira-kira 5 ke 8 kaki di hadapan saya. Anuar tidak nampak.
>
> Bila saya tanya sekali lagi mana bahagian mereka, saya toleh ke Azley dan nampak Anuar hayun kayu *baseball* ke bahagian kepala Azley. Azley di bahagian kanan saya. Saya cuba tahan tapi gagal. Kayu itu kena tangan saya dan kepala kanan Azley. Serangan ini datang dari arah belakang Azley. Saya rasa sakit sangat pada tangan dan saya terus mencangkung sambil duduk menahan sakit. Bila saya angkat kepala saya lihat Anuar dan Mahadzir sedang memukul Azley. Yang saya nampak Anuar pegang kayu *baseball* dan Mahadzir menggunakan parang.
>
> Kayu *baseball* panjangnya 2 kaki. Parang hampir 2 kaki panjangnya. Kayu *baseball* datang dari kereta Azley. Saya nampak Anuar ambil kayu ini daripada bawah tempat duduk pemandu. Nampak semasa hendak turun daripada kereta, Azley tidak tahu perkara ini. Tidak nampak daripada mana parang itu datang, baik ketika naik kereta hingga turun daripada kereta. Semasa saya bercakap dengan Azley dan Mahadzir di depan saya, juga tidak nampak parang.
>
> Ketika Anuar serang Azley dengan kayu *baseball* dan Mahadzir serang dengan parang, saya berada kira-kira 5 ke 8 kaki daripada mereka. Saya nampak mereka pukul/serang Azley 5 hingga 6 kali ketika saya angkat kepala saya. Ketika itu Azley membongkok dan melindungi bahagian kepalanya dengan kedua-dua belah

tangannya. Azley dipukul/serang di bahagian kepala, belakang badan dan tepi badan. Azley hanya mempertahankan dirinya. Mereka memukul/serang Azley dengan sepenuh hati. Saya bangun dan terus meluru ke arah Mahadzir dan Anuar. Saya pegang kepala Azley dan lindungi Azley dan tolak mereka supaya jangan pukul Azley lagi. Saya kata 'cukup! jangan pukul lagi nanti mati'. Mereka berhenti memukul. Azley jatuh dan terlentang atas tanah. Dia tidak bergerak. Saya lihat kepala Azley berlumuran darah. Bila lihat Azley jatuh dan tidak bergerak, saya ketakutan dan ajak Anuar dan Mahadzir lari dari tempat itu.

Bila saya ajak mereka lari saya nampak salah seorang daripada mereka ambil dompet Azley daripada poket kanan Azley. Lepas itu kami naik kereta Azley. Mahadzir yang pandu, saya duduk belakang dan Anuar duduk di sebelah pemandu. Mereka hantar saya balik ke Stesyen Bas Kluang kira-kira jam 3 ke 4 pagi. Di stesyen bas saya turun. OKT1 dan OKT2 masih dalam kereta dan buka dompet Azley. Mereka berdua selongkar dompet itu. Mereka dapat satu handphone dari dalam kereta.

Mereka beri handphone kepada saya kerana mereka janji nak beri upah kepada saya. Waktu ini tidak tahu di mana parang dan kayu *baseball*.

Lepas beri telefon, Mahadzir dan Anuar kata mereka hendak ke Kuala Lumpur untuk melarikan diri. Mahadzir yang cakap. Mereka berdua masuk kembali ke dalam kereta dan terus jalan. Mahadzir yang pandu kereta.

Pagi itu juga jam lebih kurang 5 pagi ke 6 pagi mereka kembali menemui saya di stesyen bas. Mereka beritahu Azley sudah mati. Anuar yang beritahu saya.

[13] Pemeriksaan balas kedua-dua OKT hanya berkisar kepada penafian keterangan SP9 yang melibatkan 'culpability' mereka di samping berusaha untuk meletakkan keseluruhan 'blame' ke atas SP9 serta mengutarakan bahawa tindakan-tindakan mereka hanyalah didorong untuk mempertahankan diri daripada serangan si mati.

[14] Sehubungan dengannya SP9 telah menafikan cadangan peguambela yang bijaksana bagi OKT1 bahawa:

— menafikan pada malam itu kedua-dua OKT datang menemuinya untuk mendapatkan bekalan ganja; atau datang hanya untuk melepak-lepak di tempat itu; atau tidak meminta apa-apa pertolongan daripada beliau;

— menafikan beliau yang memulakan pertanyaan kenapa kedua-dua OKT hanya mendiamkan diri dan kedua-dua OKT membuka cerita hanya setelah ditanya oleh SP9 apa masalah yang dihadapi;

— menafikan OKT2 menelefon si mati hanya selepas disuruh oleh beliau. Juga menafikan kedua-dua OKT tidak berniat untuk telefon si mati;

— menafikan beliau yang *instigate* peristiwa pada malam tersebut;

— tidak tahu si mati sememangnya tahu bahawa beliau dipanggil untuk bincang pasal wang tersebut;

— menafikan beliau yang menghasut kedua-dua OKT untuk dapatkan duit daripada si mati supaya beliau dapat upah dan menafikan beliau sendiri yang cadangkan sebahagian daripada wang tersebut diberi kepada dirinya;

— menafikan si mati pandu sendiri kereta ke Taman Desa Harmoni tetapi disuruh oleh OKT1; OKT1 sendiri yang suruh si mati memberhentikan kereta di tempat kejadian;

— menafikan si mati sendiri keluar daripada kereta tanpa diminta, tetapi diminta keluar dari kereta oleh beliau sendiri;

— tidak bersetuju keadaan di situ adalah gelap kerana ada cahaya lampu dari kawasan perumahan kira-kira 500m dari tempat tersebut dan juga cahaya dari Sekolah Menengah Sains Kluang di belakang mereka;

— menafikan si mati keluar dengan membawa kayu *baseball*; juga menafikan tidak nampak sesiapa membawa kayu *baseball* daripada kereta;

— tidak bersetuju si mati yang ambil parang daripada kereta;

— tidak setuju si mati yang ambil kayu *baseball* daripada kereta lalu bersandar di bonet belakang kereta;

— tidak setuju beliau meletakkan tangannya di atas bahu si mati dan meminta si mati bertenang dan beritahu tujuan untuk berbincang dan bukan untuk berlawan;

— tidak bersetuju si mati beri amaran kepadanya supaya jangan masuk campur dan menafikan pada ketika itu si mati menghayun kayu *baseball* dan kena tangannya dan sejurus kemudian berlaku pergelutan di antaranya dengan si mati, OKT1 dan OKT2;

— tidak setuju semasa pergelutan si mati cuba pukul OKT2 dengan kayu *baseball*; menafikan beliau telah menolak si mati; dan OKT2 merampas kayu *baseball* daripada si mati untuk pertahankan diri; menafikan si mati kemudian ke kereta dan ambil parang;

— tidak setuju si mati serang OKT2 dengan parang dan menafikan sepanjang pergelutan OKT1 tidak buat apa-apa;

— tidak setuju semasa mempertahankan diri OKT2 telah hayun kayu baseball kena kepala si mati; menafikan si mati jatuh dan kepalanya terhentak atas tanah; menafikan ketika si mati jatuh, OKT1 telah ambil parang daripada si mati; menafikan OKT1 tidak gunakan parang untuk mencederakan si mati.

— tidak setuju selepas si mati jatuh, beliau yang ambil dompet si mati;

— tidak setuju dalam kereta dalam perjalanan balik, beliau yang suruh

kedua-dua OKT pergi semula ke tempat kejadian untuk pastikan sama ada si mati sudah mati atau masih hidup;

— tidak tahu semasa kembali di tempat kejadian OKT1 telah gunakan parang untuk cucuk-cucuk si mati sama ada si mati masih hidup atau sudah mati.

[15] Semasa disoalbalas oleh peguambela yang bijaksana bagi OKT2, SP9 mengatakan:

— tidak bersetuju rapat dengan mereka kerana sama-sama berkongsi dan menagih dadah.

— tidak tahu berapa upahnya tetapi sanggup memenuhi permintaan mereka kerana memerlukan duit tersebut.

— tidak setuju tidak nampak OKT2 ambil kayu *baseball* dari kereta. Menafikan keadaan dalam kereta adalah gelap.

— bersetuju semasa berdiri di tebing bersama OKT2 dan OKT1 pura-pura cari komputer dalam semak tidak nampak kedua-dua mereka memegang apa-apa barang; bersetuju nampak mereka pegang barang semasa pergelutan/pergaduhan.

— tidak setuju tidak nampak siapa yang pukul si mati.

— tidak setuju bila dia bangun, si mati sudah jatuh; ketika itu mereka masih memukul Azley.

— tidak setuju OKT2 turun daripada kereta kerana si mati suruh periksa komputer.

— tidak setuju beliau yang pandu kereta daripada tempat kejadian balik ke Stesyen Bas Kluang selepas kejadian.

[16] Setelah menghalusi keseluruhan keterangan SP9, saya mendapati keterangannya adalah amat konsisten. Tidak ada percanggahan atau kekeliruan dalam keterangannya. Adalah tidak *probable* untuk mempercayai cadangan pihak pembelaan bahawa si mati tiba-tiba naik berang dan terus memukul SP9 dengan kayu *baseball* bila SP9 bertanyakan mana wang bahagian kedua-dua OKT hasil dari jualan tv curi yang mana ianya kemudian mencetuskan pergaduhan hingga membawa kepada kematian si mati. Ini adalah kerana keadaan di tempat kejadian adalah tenang dan tidak ada kekecohan sebelum SP9 bertanyakan pasal wang tersebut. Demikian juga keadaan adalah tenang sepanjang tempoh perjalanan dari Stesyen Bas Kluang ke tempat kejadian. Dalam perjalanan ini juga menurut SP9 tidak berlaku sebarang pertengkaran atau pergaduhan mulut di antara OKT1 dan OKT2 dengan si mati. Demikian juga dengan SP9 dan tiada sesiapa pun yang mengungkitkan pasal wang tersebut semasa dalam perjalanan. Maka dalam

A senario yang sedemikian tidak ada kewajaran/alasan bagi si mati untuk membawa bersamanya kayu *baseball* berkenaan semasa keluar daripada kereta sebagai persediaan seperti yang dicadangkan oleh pihak pembelaan.

B **[17]** Seterusnya walaupun sudah lewat malam si mati dengan mudah memenuhi jemputan OKT2 untuk berjumpa mereka di Stesyen Bas Kluang bagi mengambil satu komputer curi yang disorokkan. Beliau tiba di stesyen berkenaan dalam tempoh sepuluh minit selepas ditelefon oleh OKT2. Nyata sekali si mati tidak langsung mencurigai tindakan serta motif kedua-dua C OKT bila beliau diminta ke stesyen bas berkenaan dan dari situ ke Taman Desa Harmoni. Maka sekali lagi tidak ada alasan bagi si mati untuk bersedia dengan parang dan kayu *baseball* seperti yang dicadangkan oleh pihak pembelaan. Si mati dengan jujur memenuhi permintaan kedua-dua OKT. Maka adalah tidak *probable* bagi si mati memulakan tindakan agresif. D Permintaan berkenaan dengan wang tersebut tidak dibuat oleh SP9 secara provokatif atau humialatif. Ini tidak pun dicadangkan oleh pihak pembelaan. Perkara ini dengan sendiri 'negate' unjuran bahawa si mati naik berang bila di*provoke* oleh SP9 berkaitan dengan wang tersebut.

E **[18]** Atas dapatan ini saya berpendapat bahawa SP9 bercakap benar bila si mati keluar daripada keretanya tanpa membawa kayu *baseball* atau pun parang berkenaan dan tidak memulakan pergaduhan tersebut dengan memukul tangan SP9 dengan menggunakan kayu *baseball* tersebut seperti F dicadangkan oleh pembelaan. Sebaliknya si mati tidak mempunyai apa-apa peluang untuk berbuat apa-apa setelah kepalanya terkena hayunan kayu *baseball* yang dilepaskan OKT2. SP9 sendiri hanya mampu mencangkung menahan kesakitan bila hayunan tersebut mengenai tangannya terlebih dahulu sebelum singgah di kepala si mati.

G **[19]** Sebaliknya kedua-dua OKT mempunyai segala alasan untuk berdendam dan bertindak sedemikian rupa ke atas si mati dan tindakan-tindakan yang diambil diatur dengan cermatnya bermula dengan perjumpaannya dengan SP9 di Stesyen Bas Kluang. Dari situ direncanakan H untuk mengumpan si mati keluar bersama mereka ke tempat kejadian dan rencana tersebut berakhir dengan pukulan-pukulan maut ke atas si mati. Sehubungan dengannya pihak pembelaan tidak menafikan wujudnya bahagian wang OKT1 dan OKT2 yang masih berada pada si mati. Juga tidak menafikan si mati telah dijemput datang melalui panggilan telefon oleh I OKT2 dan tidak menafikan mereka bersama-sama si mati ke tempat kejadian. Apa yang diunjurkan dan ditekankan ialah semua ini adalah gara-gara instigasi daripada SP9. Segala keburukan yang berlaku disalahkan dan dihumbankan ke atas SP9 hanya kerana SP9 memerlukan wang upah yang dijanjikan.

[20] Walau bagaimanapun saya mendapati 'blaming exercise' ini hanyalah satu exercise untuk melepaskan diri dari keadaan yang sukar. SP9 tidak mengenali si mati sebelum diperkenalkan kepada si mati di dalam kereta si mati dalam perjalanan ke tempat kejadian. Beliau tidak pernah berselisih atau mempunyai apa-apa isu dengan si mati. Adalah sesuatu yang tidak munasabah untuk SP9 *instigate* kedua-dua OKT untuk berbuat seperti yang dicadangkan dalam keadaan yang seperti ini. Juga adalah tidak munasabah kedua-dua OKT datang menemui SP9 untuk membeli dadah atau sama-sama hisap dadah bila pada bila-bila masa tidak pernah dicadangkan kepada SP9 bahawa SP9 seorang pengedar dadah atau penagih dadah. Maka saya mendapati SP9 bercakap benar bila beliau mengatakan bahawa beliau sanggup membantu kedua-dua OKT atas dorongan diberi upah bila kedua-dua OKT meminta bantuannya untuk mendapatkan wang mereka daripada si mati.

[21] Seterusnya kalau isunya hanya setakat meminta bahagian wang mereka, apa perlunya kedua-dua OKT meminta pertolongan daripada SP9, mengajak si mati keluar di waktu dinihari, mengada-adakan cerita kononnya ada komputer yang disorokkan untuk diambil dan seterusnya membawa si mati ke tempat yang sunyi sepi, jauh dari penempatan orang dan meminta wang bahagian tersebut di tempat dan waktu yang seperti itu yang tidak munasabah sama sekali. Apa alasan kedua-dua OKT membawa si mati ke tempat tersebut untuk ambil komputer, bila mereka sendiri tahu dari awal-awal lagi bahawa komputer yang dikatakan itu sememangnya tidak wujud di situ. Fakta-fakta ini dengan sendirinya memusnahkan unjuran pihak pembelaan bahawa si matilah yang bertindak agresif terlebih dahulu terhadap kedua OKT dan kedua-dua OKT hanya bertindak untuk mempertahankan diri. Sebaliknya versi SP9 berkaitan dengan peristiwa yang membawa pukulan-pukulan dan akhirnya kematian si mati adalah lebih *probable*.

[22] Pihak pembelaan sendiri tidak mengunjurkan bahawa SP9 turut terlibat memukul si mati. Kejadian memukul hanya melibatkan OKT1 dan OKT2 sahaja. Ini adalah konsisten dengan keterangan SP9 bahawa yang memukul si mati hingga tidak bergerak lagi adalah OKT1 dan OKT2 sahaja. Ini juga konsisten dengan keterangan SP9 bahawa peranan yang dimainkan oleh beliau hanyalah setakat memaklumkan kepada si mati mana wang hasil tv curi bahagian kedua-dua OKT. Ini juga konsisten dengan keterangan SP9 bahawa beliau tidak berupaya untuk berbuat apa-apa kerana menahan kesakitan di tangannya yang terkena hayunan kayu *baseball* yang dihayunkan oleh OKT2. Apa yang dicabar hanyalah versi urutan peristiwa pemukulan tersebut. Penggunaan senjata kayu *baseball* dan parang (P6A) di dalam kejadian ini juga tidak dinafikan atau dicabar. Malah pihak pembelaan telah mencadangkan kepada SP9 bahawa kedua-dua OKT telah kembali ke tempat

kejadian dan mereka telah cucuk-cucuk si mati dengan parang untuk pastikan si mati telah benar-benar mati. Perkara ini telah dimaklumkan kepada SP9 bila kedua-dua OKT kembali semula ke tempat SP9 kira-kira jam 5 pagi lebih. SP9 telah diberitahu bahawa mereka berdua telah kembali semula melihat si mati dan pastikan si mati telah pun mati.

[23] Atas alasan-alasan yang dikemukakan dalam perenggan-perenggan yang terdahulu, saya mendapati SP9 telah bercakap benar dan keterangannya adalah lebih *probable*. Dengan itu saya menerima keterangan beliau akan bagaimana si mati menerima kecederaan di tubuh badannya di tangan kedua-dua OKT sehingga membawa kepada kematiannya.

[24] Keterangan SP9 berkaitan dengan kecederaan yang dialami oleh si mati telah disokong oleh keterangan SP14, pakar patologi yang menyiasat punca kematian si mati dan mengesahkan punca kematiannya.

[25] SP14 mengatakan hasil bedah siasat menunjukkan si mati mengalami 23 kecederaan luaran pada badan si mati. Selain itu terdapat kesan kecederaan dalaman di bahagian kepala si mati yang menyebabkan kematian si mati. Laporan post mortem telah dikemukakan dan ditandakan sebagai P40.

[26] Menurut SP14, kecederaan dalaman menunjukkan kecederaan di bahagian kepala adalah teruk yang mana kecederaan ini boleh menyebabkan kematian si mati. Pemeriksaan bahagian dalaman kepala si mati menunjukkan banyak kecederaan di bahagian otot sisi kepala iaitu otot temporali tetapi pendarahan lebih hebat di sebelah kiri. Tengkorak kepala juga retak di sepanjang 5 cm di tulang temporali kiri; terdapat retak encil; retak pada atap orbit kanan (right eye socket); pendarahan otak pada bahagian depan cerebrum sebelah kiri; pendarahan yang sama pada bahagian kanan otak dan kesan lebam pada bahagian dasar otak dan otak kanan sisi.

[27] Menurut SP14 lagi, dalam keadaan biasa jika tidak ada daya (force) yang mengenai bahagian kepala, selalunya tidak ada pendarahan yang sedemikian. Pada pendapatnya daya yang digunakan untuk mendatangkan kecederaan-kecederaan yang seperti ini adalah agak kuat kerana ia telah menyebabkan tengkorak kepala retak dan kecederaan-kecederaan tersebut mencadangkan satu daya tumpul (blunt trauma) telah mengenai bahagian kepala tersebut. Menurutnya lagi kayu *baseball* dua kaki boleh menyebabkan kecederaan-kecederaan tersebut kerana kayu *baseball* adalah sesuatu benda yang tumpul, yang jika digunakan dengan kekuatan yang mencukupi boleh mendatangkan kecederaan yang sedemikian. Beliau menambah walaupun si mati mempunyai kecederaan-kecederaan tumpul di bahagian-bahagian lain, kecederaan daya tumpul di bahagian kepala telah mendatangkan kecederaan

pada otak. Otak yang 'intact' perlu untuk hidup. Di sini otak si mati telah mengalami kecederaan kerana daya tumpul yang dikenakan kepadanya. Beliau mendapati punca kematian adalah disebabkan oleh kecederaan pada otak. Inilah yang beliau maksudkan sebagai 'head injuries'.

[28] SP14 juga mendapati si mati mempunyai empat luka potong (incised wounds) di merata tubuh si mati. Beliau berpendapat luka-luka potong berkenaan boleh disebabkan oleh penggunaan parang (ekshibit P6A) kerana parang ini boleh digunakan untuk memotong. Walau bagaimanapun beliau tidak mencadangkan bahawa luka-luka tersebut disebabkan oleh penggunaan parang ini kerana jika parang ini digunakan, kecederaan yang dialami akan menjadi lebih teruk. Namun saya berpendapat pandangan SP14 berkaitan isu ini tidak menjejaskan kes pendakwaan atau menidakkan pengunaan parang ini atau mendatangkan satu *material contradiction* yang fatal kerana analisa kimia menunjukkan dengan konklusif bahawa pada mata parang ini (P6A) terdapat kumpulan darah yang sama dengan kumpulan darah si mati. Ini jelas menunjukkan bahawa parang tersebut telah digunakan untuk mencederakan si mati. Selain daripada itu terdapat keterangan langsung (direct) dari saksi mata, SP9, yang bersaksi bahawa beliau nampak OKT1 menggunakan parang tersebut untuk mencederakan/memukul si mati. Dalam keadaan sedemikian keterangan pakar, SP14 tidak boleh diambil untuk *substitute* keterangan langsung daripada SP9 dengan sewenang-wenangnya melainkan wujud keadaan di mana keterangan langsung tersebut mengalami kecacatan kredibiliti. Dalam kes ini, saya mendapati keterangan SP9 berkenaan dengan perkara yang sama tidak mengalami kecacatan yang sedemikian.

[29] Semasa disoal balas SP14 mengatakan luka *lacerations* dan *bruises* di seluruh badan boleh disebabkan oleh pergelutan atau pergaduhan atau terjatuh di atas jalan yang bertar. Lebam di pipi lebih bersifat *abrasions* dan beliau lebih percaya ia disebabkan oleh *contact* dengan sesuatu yang tumpul dan bukan disebabkan oleh penumbuk kerana penumbuk adalah benda yang lembut. Beliau turut menambah retak pada kepala adalah *simple fracture* dan ia tidak mungkin disebabkan si mati jatuh.

[30] Semasa disoal semula SP14 mengatakan bahawa tanpa cerita latar belakang, berdasarkan kepada keseluruhan kecederaan yang terdapat pada jasad si mati ia mencadangkan kemungkinan paling besar si mati tidak mungkin jatuh berhampiran jalanraya dengan sendirinya. Empat kecederaan di kepala si mati mencadangkan sekurang-kurangnya ada empat kali 'impact'. Ini mencadangkan ia tidak mungkin berlaku secara serentak.

[31] Keterangan SP14 seperti dihuraikan di atas adalah konsisten dengan keterangan SP9 yang mengatakan si mati telah dipukul berkali-kali oleh kedua-dua OKT dengan menggunakan kayu *baseball* dan parang. Paling

relevant keterangan SP14 telah *exclude* unjuran bahawa si mati mengalami kecederaan-kecederaan tersebut kerana jatuh di atas jalanraya. Keterangan SP14 mencadangkan serta menunjukkan bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati adalah akibat dari suatu perbuatan yang disengajakan, yang memfokuskan kepada bahagian yang paling terdedah, lemah dan *vital* tubuh badan si mati. Tidak ada keterangan-keterangan lain yang menunjukkan adanya orang atau pihak lain yang menyebabkan kecederaan-kecederaan tersebut yang secara langsung dan pantas telah menyebabkan kematian si mati, melainkan kedua-dua OKT.

[32] Dengan itu saya mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa kematian si mati adalah disebabkan oleh perbuatan kedua-dua OKT.

SAMA ADA KEDUA-DUA OKT MEMPUNYAI NIAT ATAU PENGETAHUAN UNTUK MELAKUKAN KESALAHAN MEMBUNUH

[33] Elemen seterusnya adalah sama ada kedua-dua OKT mempunyai niat atau pengetahuan sewajarnya mengikut undang-undang bagi melakukan kesalahan bunuh (intention to kill).

[34] Adalah sesuatu yang *trite* bahawa niat serta pengetahuan seseorang dalam melakukan sesuatu perbuatan itu hanya boleh ketahui melalui lafaz yang diluahkannya. Selain itu niat serta pengetahuan seseorang itu 'is a matter of inference' yang dirumuskan hasil dari penilaian tindakan dan perbuatan serta urutan-urutan fakta sebelum, semasa dan selepas sesuatu kejadian itu berlaku dan juga keterangan di sekeliling kejadian tersebut. Dalam kes *Tham Kai Yau v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 174, ms 176, Mahkamah Persekutuan telah mendefinasikan niat membunuh seperti berikut:

> The words which I have italised shows the marked differences between the two offences. Where there is an intention to kill, as in (a) and (1), the offence is always murder. Where there is intention to cause death or bodily injury, then (c) and (4) apply. Whether the offence is culpable homicide or murder depends upon the degree of risk to human life. If death is a likely result, it is culpable homicide; if it is the most probable result, it is murder. Illustration (d) of s 300, Penal Code is a case of this description. Where the offender knows that the particular person injured is likely, either from peculiarity of constitution, immature age, or other special circumstances, to be killed by an injury which would not ordinarily cause death, it is murder. Illustration (b) of s 300, Penal Code is a good example. The essence of (b) and (3) is this. It is culpable homicide if the bodily injury intended to be inflicted is likely to cause death; it is murder if such injury is sufficient in the ordinary cause of nature to cause death. Illustration (c) given in s 300 Penal Code

is an example. it is on comparison of these two limbs of s 299 and s 300 that the decision of doubtful cases as the present must generally depend. The distinction is fine, but noticeable. In the last analysis it is a question of degree of probability.

[35] Autoriti ini menjelaskan bahawa mahkamah dalam menentukan niat seseorang tertuduh, perlulah melihat kepada 'degree of probability' kematian mangsa disebabkan oleh perbuatan orang tersebut. Kebarangkalian (probability) tersebut boleh menjadi tinggi ataupun rendah dan perbezaan ini akan menunjukkan niat tertuduh di dalam melakukan kesalahan tersebut. Jika perbuatan tertuduh telah mengakibatkan kecederaan-kecederaan yang dialami boleh mewujudkan satu kebarangkalian kematian yang tinggi, maka rumusan yang wajar adalah orang itu mempunyai niat untuk menyebabkan kematian, seperti yang diperuntukkan di dalam s 300(c). Jika sebaliknya, dapatan yang wajar ialah *culpable homicide not amounting to murder.*

[36] Di dalam kes di hadapan saya ini, berdasarkan kepada fakta-fakta dan keterangan-keterangan yang dikemukakan, kecederaan-kecederaan yang dilakukan oleh kedua-dua OKT ke atas si mati membawa serta mempunyai kebarangkalian kematian yang tinggi seperti keterangan yang diberikan oleh pakar patologi, SP14. Dengan itu dapatan saya ialah perbuatan kedua-dua OKT adalah dilakukan dengan niat untuk membunuh iaitu dengan niat untuk menyebabkan bencana tubuh kepada si mati di mana bencana tubuh itu pada lazimnya adalah mencukupi untuk menyebabkan kematian si mati seperti yang diperuntukkan dalam s 300(c) Kanun Keseksaan.

[37] Niat untuk membunuh juga boleh diperolehi atau dirumuskan daripada fakta atau keterangan di dalam sesuatu kes terutamanya dari tahap kecederaan yang dialami oleh si mati. Dalam kes *Tham Kai Yau v Public Prosecutor* di ms 177 dinyatakan:

In the present appeal we think that in view of the nature of the injuries sustained by the deceased and the time and place of incident, there was evidence of an intention on the part of the appellants to cause bodily injury to the deceased.

[38] Di dalam kes di hadapan saya, kecederaan yang dialami oleh si mati adalah menyeluruh dan paling teruk pada otaknya seperti dijelaskan oleh SP14. Dari tahap kecederaan si mati adalah jelas kedua-dua OKT mempunyai niat untuk membunuh si mati pada waktu kejadian berlaku. Dalam kes *Public Prosecutor v Abdul Razak bin Dalek* [2007] 2 MLJ 255, mahkamah telah menghuraikan (di ms 271–272):

In cases in which death ensures from violence used, and there is no evidence of intention other than what is to be inferred from the accused's act, it is necessary to consider whether the accused must have known, when committing the act, that (a) it might possibly, but was unlikely to cause death or injury sufficient in the

A ordinary cause of nature to cause death; (b) it was likely to cause death or injury sufficient in the ordinary cause of nature to cause death; (c) it probably would cause death or injury sufficient in the ordinary cause of nature to cause death. If the act falls under the first category, it would not amount to more than hurt or grievious hurt; if under the second category, it would be culpable homicide not amounting to murder; if under the third category, it would amount to murder (*Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crime* p 1491). Putting it shortly all acts of killing done with the intention to kill, or to inflict bodily injury likely to cause death, or with the knowledge that death must be the probable result, are prime facie murder, while those committed with the knowledge that death will be a likely result are culpable homicide not amounting to murder (per Straight J, in *Idu Beg* (1881) 3 All 776, 778 as quoted in *Ratanlal & Dhirajlal* p 1296).

[39] Dalam kes ini saya dapati kematian si mati adalah *probable result* dari kecederaan yang dialami oleh beliau. Keterangan SP14 menyokong premis ini di mana beliau menyatakan kematian si mati adalah *probable result* dari kecederaan teruk yang dialami oleh si mati. Kecederaan si mati adalah 'direct cause' dan kematian adalah satu-satunya *probable result* dari kecederaan-kecederaan tersebut. Secara prima facie perbuatan kedua-dua OKT adalah satu pembunuhan.

[40] Dapatan di atas saya kira disokong/dikuatkan oleh pandangan Mahkamah Rayuan dalam kes *Sainal Abidin b Mading v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 497 bila mahkamah menyatakan di ms 224:

> The learned judge after considering the nature of the injuries sustained by the deceased, the number of wounds and the weapon used, correctly in our view, followed what Thomson CJ said regarding the nature of the injuries sustained by the victim as an indicator of intention in *Tan Buck Tee v Public Prosecutor* [1961] MLJ 176, where the learned CJ said at p 179:
>
> > There was the body with five appalling wounds on it, wounds penetrating to the heart and liver, which must have been caused by violent blows with a heavy sharp instrument like an axe. In the absence of anything else, whoever inflicted those blows must have intended to kill the person on whom they were inflicted.
>
> The learned judge then concluded at p 145 thus:
>
> > According from the evidence adduced and the surrounding circumstances shown, I am satisfied that the prosecution has established beyond reasonable doubt that in inflicting the injuries sustained by the deceased the accused had in particular the intention of causing such bodily injuries and such injuries intended were sufficient in the course of nature to cause death. Hence the first line of defence of the learned counsel for the accused fails.

[41] Dalam kes di hadapan saya, OKT1 telah menggunakan parang dan

OKT2 telah menggunakan kayu *baseball* untuk memukul si mati dan telah mendatangkan kecederaan yang sedemikian rupa ke atas tubuh si mati. Menurut SP9, pada pendapatnya si mati sudah mati bila beliau meninggalkan tempat kejadian kerana si mati langsung tidak bergerak lagi. SP14 pula menyatakan kecederaan pada otak yang dialami oleh si mati adalah teruk dan kecederaan inilah yang menjadi punca kematian si mati. Parang adalah senjata yang merbahaya. Kayu *baseball* juga boleh menjadi senjata yang berbahaya jika disalah gunakan kerana dengan daya kekuatan yang mencukupi, kayu ini boleh menyebabkan tengkorak kepala retak. Inilah yang berlaku dalam kes ini. Dari apa sudut sekalipun 'irresistible inference' yang boleh dirumuskan dari keseluruhan keadaan kes ini ialah kedua-dua OKT sememangnya mempunyai niat untuk menyebabkan kematian si mati. Itulah yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Tham Kai Yau v Public Prosecutor*:

> The deliberate use by some men of dangerous weapons at another leads to the irresistible inference that their intention is to cause death.

[42] Demikian jugalah pandangan Mahkamah Rayuan dalam kes *Sainal Abidin b Mading v Public Prosecutor*. Keterangan saksi mata SP9 dan pakar patologi SP14 adalah terlalu kukuh untuk merumuskan inferensi yang sebaliknya. Dengan itu adalah dapatan saya bahawa perbuatan kedua-dua OKT adalah dilakukan dengan niat untuk membunuh iaitu dengan niat untuk menyebabkan bencana tubuh kepada si mati di mana bencana tubuh itu pada lazimnya adalah mencukupi untuk menyebabkan kematian si mati, perbuatan-perbuatan yang diterangkan di bawah s 300(c), Kanun Keseksaan.

SAMA ADA KEDUA-DUA OKT MEMPUNYAI NIAT BERSAMA

[43] Isu seterusnya adalah sama ada kedua-dua OKT mempunyai niat bersama untuk melakukan kesalahan tersebut seperti yang dituntut oleh s 34 Kanun Keseksaan. Di dalam kes *Namasiyiam & Ors v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336, mahkamah menyatakan:

> When a criminal act is done by several persons in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone.
>
> In law, common intention requires a major meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or circumstantial evidence that there was (a) a common intention to commit the very offence of which the accused persons are sought to be convicted, and (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.

A In law, common intention requires a major meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or circumstantial evidence that there was (a) a common intention to commit the very offence of which the accused persons are sought to be convicted, and (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.
B

[44] Seterusnya dalam kes *Public Prosecutor v Lee Poh Chye & Anor* [1997] 4 MLJ 578; [1995] 1 LNS 392 mahkamah menyatakan:

C As for the trial court's concluding finding that 'circumstances' OKT1 dan OKT2 memanggil si mati berbincang, OKT1 naik ke atas menjawab telefon dan OKT2 ada dalam bilik dan bila pertengkaran berlaku OKT2 campur tangan dengan memegang bahu si mati menyuruhnya duduk 'was not circumstantial evidence of common intention, unless both respondents together threw the deceased to the
D ground floor, it was a misdirection of the law that common intention could only be proved if the respondent had carried out an identical act or deed.

In *Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232, the Federal Court, per Hashim Yeop Sani J (as he then was), enunciated s 34 as follows:

E It is also a common sense principle that if two or more persons intentionally do a thing jointly it is just the same as if each of them have done it individually. If two or more persons combine in injuring another in such a manner that each person engaged in causing the injury must know that the result of such injury may be the death of the injured person, it is no answer on the part of anyone of them to allege and perhaps prove, that his individual act did not cause death,
F and that by his individual act he cannot be held to have intended death. Every one must be taken to have intended the probable and natural results of the combination of acts in which he joined.

The Privy Council in *Mahbob Shah v King Emperor* [1945] LR 72 1A 148 construed s 34 of the India Penal Code — which is in identical terms to our s
G 34 — as follows:

Section 34 lays down a principle of joint liability in the doing of a criminal act. The section does not say the common intention of all 'nor does if say' an intention common to all: Under the section, the essence of that liability is to
H be found in the existence of a common intention animating the accused leading to the doing of a criminal act in furtherance of such intention. To invoke the aid of s 34 successfully, it must be shown that the criminal act complained against was done by one of the accused persons in the furtherance of the common intention of all; if this is shown, then liability for the crime
I may be imposed on any one of the persons in the same manner as if the act were done by him alone. This being the principle it is clear to Their Lordships that common intention within the meaning of the section implies a pre-arranged plan, and to convict the accused of an offence applying the section it should be proved that the criminal act was done in concert pursuant to the pre-arranged plan. As has been often observed, it is difficult if not

impossible to procure direct evidence to prove the intention of the individual; in most cases it has to be inferred from his act or conduct or other relevant circumstances of the case. A

In the trial below there was ample direct evidence that both respondents had assaulted the deceased. The eyewitnesses testified that the respondents had repeatedly struck the deceased; the first respondent with a wooden stool and the second respondent with a stick. Although the second respondent claimed that he was the middleman, the first respondent's testimony was that the second respondent had passed him a stick. There was active participation by both respondents in the same criminal act that brought about the deceased death. Indeed the direct evidence against each respondent was so overwhelming that there was no need whatsoever to rely on s 34. B C

[45] Itulah kedudukannya bagaimana s 34 Kanun Keseksaan harus digunakan secara praktikalnya. Dalam kes di hadapan saya ini keterangan-keterangan yang dikemukakan merungkaikan fakta-fakta berikut: D

— Kejadian yang berlaku telah dirancang oleh OKT1 dan OKT2 untuk mendapatkan kembali wang bahagian mereka hasil jualan tv curi yang ada dalam possesi si mati; E

— Kedua-dua OKT bersama-sama datang meminta bantuan SP9;

— Kedua-dua OKT telah menggunakan helah untuk mengambil komputer curi bagi mengumpan si mati datang kepada mereka dan mereka kemudiannya membawa si mati ke tempat kejadian; F

— OKT1 menunjukkan jalan ke tempat kejadian;

— Si mati dibawa ke tempat kejadian oleh kedua-dua mereka di mana tempat kejadian adalah tempat yang sunyi jauh dari penempatan orang ramai; G

— Sesampai di tempat kejadian OKT1 telah keluar daripada kereta lalu pergi ke kawasan semak-semak, berpura-pura mencari komputer yang kononnya disorokkan di situ;

— OKT2 pula keluar daripada kereta dengan membawa kayu *baseball* yang diambil dari bawah tempat duduk pemandu; H

— Semasa berpura-pura mencari komputer, OKT1 telah menyuruh SP9 supaya meminta si mati keluar dari kereta bagi membantu mengangkat komputer yang kononnya berat; I

— Setelah keluar dari kereta, sebelum si mati sempat menjawab soalan SP9 berkenaan dengan bahagian wang hasil curi tv OKT1 dan OKT2, si mati telah dipukul oleh OKT2 dengan kayu *baseball* dari arah belakangnya;

— SP9 juga melihat OKT1 memukul si mati dengan menggunakan parang, setelah mendongakkan kepala selepas menahan kesakitan ditangannya yang terlebih dahulu terkena pukulan kayu *baseball* OKT2 sebelum kayu itu mengenai kepala si mati;

— OKT1 dan OKT2 dilihat oleh SP9 memukul si mati 5 hingga 6 kali dengan sekuat hati; yang SP9 tidak nampak tidak diketahui berapa kali;

— Hanya OKT1 dan OKT2 yang memukul si mati; tidak pernah diunjurkan oleh pihak perbelaan bahawa SP9 turut memukul si mati; SP9 sendiri dalam keterangannya tidak menyatakan dia ada memukul si mati;

— Kedua-dua OKT hanya berhenti memukul si mati selepas SP9 campur tangan dengan menolak mereka daripada si mati serta meminta mereka berhenti dari terus memukul si mati;

— Si mati mengalami 23 kesan kecederaan luaran pada tubuh badan dan kepala yang menunjukkan si mati telah menerima lebih daripada 5 ke 6 pukulan daripada kedua-dua OKT;

— Kedua-dua OKT telah datang semula ke tempat kejadian bagi memastikan si mati benar-benar telah mati, sepertimana mereka memberitahu SP9.

— Kedua-dua OKT telah menggunakan kenderaan si mati selepas kejadian untuk sepanjang masa hinggalah mereka ditangkap polis bersama kenderaan tersebut pada 21 Disember 2002, kira-kira tiga hari selepas kejadian pembunuhan tersebut.

[46] Fakta-fakta yang diperincikan di atas menunjukkan dengan jelas bahawa kedua-dua OKT telah 'acted in concert with each other' dari awal-awal lagi untuk menjayakan perencanaan mereka. Kedua-dua mereka telah sama-sama membawa si mati ke tempat kejadian. Kedua-dua mereka telah sama-sama menyerang/memukul si mati. OKT1 bersenjatakan parang dan OKT2 bersenjatakan kayu baseball. Kedua-dua mereka telah mengambil bahagian secara bersama dalam mendatangkan kecederaan kepada si mati. Pendek kata, kedua-dua mereka telah terlibat secara aktif dalam kejadian ini. Pada akhirnya adalah dapatan saya bahawa keterangan-keterangan yang ada adalah cukup 'overwhelming' untuk menunjukkan niat bersama di antara mereka berdua di dalam melakukan kesalahan ini.

SAMA ADA SP9 ADALAH SEORANG *ACCOMPLICE*

[47] Adakah SP9 merupakan seorang rakan sejenayah (accomplice) kepada kedua-dua OKT? Inilah isu yang seterusnya.

[48] Sehubungan dengannya Mahkamah Rayuan dalam kes *Harcharan Singh & Anor v Public Prosecutor* [2005] 1 MLJ 593, menyatakan: A

> Before us it was strenuously argued by learned counsel that PW9 is accomplice. There is no evidence to suggest that PW-9 had ever participated in the first and second accuseds' act of pulling the rope around the deceased's neck. However, he B was a witness to the final moments of their attack on the deceased and he assisted them in disposing off the body and did not inform anyone of what ever he had seen and the assistance that he had rendered. He is therefore an accessory after the fact. The question that requires to be determined is whether such a witness is an accomplice. In *Davies v Director of Public Prosecutions* [1954] 1 All ER 507 the C House of Lords held that persons who are particeps criminis in respect of actual crime charged, whether as principals or accessories before or after the fact in felonies or persons committing, procuring or aiding and obetting in the case of misdemeanours are accomplices. In England s 1 of the Criminal Law Act 1967 has abolished the distinction between felonies and misdemeanours. There is no such distinction in this country. However, it has been accepted that an accomplice is a D person who is particeps criminis in respect of the actual crime charged (see *Re Soo Leat* [1956] MLJ 54; *Kuan Ted Fatt v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 211; [1985] CLJ (Rep) 174; *Namasiyiam & Ors v PP* [1987] 2 MLJ 336).

[49] Di dalam kes *Kuan Ted Fatt v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 211 E pula, Mahkamah Persekutuan mendapati:

> For the public prosecutor the learned senior federal counsel had submitted that there was no evidence at the trial that PW14 had taken part in the offence of murder. On the other hand PW14 was not aware that the appellant was carrying F a knife hidden at the back of his trousers pocket and that PW14 did not know that the appellant had intended to use the knife to kill the deceased. In other words, PW14 had no prior knowledge that the appellant had intended to commit the offence charged. In our judgment and having regard to the principle enunciated in *Davis v DPP* [1954] AC 378, the learned counsel for the appellant failed to G establish that PW14 participated in the offence of murder and on the evidence produced before the trial court, the learned judge was right in not regarding PW14 as an accomplice. In his submission that PW14 could be so regarded learned counsel for the appellant seemed to base his contention on two grounds, vis:
>
> (a) that PW14 failed to report to the police about the offence charged, H and
>
> (b) that he left for Beliong, a coastal town, the next day.
>
> In our opinion, none of these grounds relied on by learned counsel is a valid one. I

[50] Menggunakan prinsip yang digariskan dalam kedua-dua autoriti di atas saya mendapati bahawa SP9 bukan seorang *accomplice* seperti yang diunjurkan oleh pihak pembelaan. Beliau tidak mengambil bahagian

memukul si mati. Ini diakui sendiri oleh pihak pembelaan. Malah SP9lah yang meleraikan dan menghentikan kedua-dua OKT dari berterusan memukul si mati. Ini juga tidak dicabar oleh pihak pembelaan. Fakta bahawa serangan/pemukulan ke atas si mati berhenti setelah kedua-dua OKT ditolak jauh dari si mati oleh SP9 juga tidak dicabar. Fakta bahawa SP9 tidak kembali ke tempat kejadian untuk memastikan bahawa si mati telah benar-benar mati juga diakui oleh pihak pembelaan. Peranan yang dimainkan oleh SP9 dalam kejadian ini hanyalah menanyakan mana wang hasil jualan tv curi bahagian kedua-dua OKT.

[51] Peranan ini yang dimainkan oleh SP9 dari saat kedua-dua OKT menemui beliau hinggalah ke saat beliau menanyakan perkara yang sama kepada si mati sejurus sebelum si mati diserang/dipukul oleh kedua-dua OKT tidak menjadikan SP9 seorang accomplice. Belum pun sempat si mati memberikan response kepada soalan SP9, si mati telah diserang /dipukul bertubi-tubi oleh kedua-dua OKT hingga langsung tidak bergerak lagi. Nyata sekali SP9 tidak mengetahui agenda lebih besar kedua-dua OKT membawa si mati ke tempat kejadian. SP9 sendiri telah memberi amaran sebelum itu kepada kedua-dua OKT kalau setakat hendak minta wang bahagian jangan sampai memukul orang. Ini juga tidak dicabar oleh pihak pembelaan. Tidak ada bukti atau keterangan bahawa SP9 mengetahui bahawa si mati akan diserang sebegitu rupa dan keterangan-keterangan dengan jelas menunjukkan dan diakui oleh pihak pembelaan bahawa SP9 tidak mengambil bahagian menyerang atau memukul si mati, walaupun SP9 berada amat hampir dengan si mati sejurus sebelum serangan/pukulan dimulakan oleh kedua-dua OKT. Fakta bahawa SP9 turut terkena pukulan OKT2 di tangannya sehingga dia hanya mampu mencangkung serta merta menahan kesakitan juga tidak dicabar oleh pihak pembelaan.

[52] Daripada senario seperti diperincikan di atas, saya berpendapat SP9 bukanlah seorang *accomplice*. Beliau tidak mengetahui atau mengesyaki si mati akan diserang/dipukul sedemikian rupa. Beliau tidak ada kena mengena dengan serangan/pukulan-pukulan yang dikenakan ke atas si mati serta kematian si mati ekoran daripada serangan/pukulan-pukulan tersebut.

KEDUDUKAN SALINAN LAPORAN KIMIA ID38 DAN KEMASUKKANNYA (ADMISSIBILITY) SEBAGAI BARANG KES

[53] Pegawai penyiasat, SP13 telah menghantar sejumlah barang-barang kes dalam 20 bungkusan/kotak yang ditanda 'A' hingga 'T' kepada ahli kimia En Miskon bin Sulaiman, dari Jabatan Kimia, Johor Bahru untuk dicerakinkan. Resit penerimaan barang-barang kes tersebut ditandatangan oleh ahli kimia berkenaan adalah eksh P37. ID38 adalah salinan dari salinan asal laporan kimia ahli kimia berkenaan.

[54] SP13 bertugas sebagai SIO Jenayah di IPD Kluang dari 1999 hingga Oktober 2005 bila beliau dipindahkan ke Bukit Aman Kuala Lumpur. Pada 5 April 2003 kira-kira jam 11.30 pagi beliau telah menyerahkan satu salinan masing-masing laporan kimia berkenaan kepada OKT1 dan OKT2 di Penjara Simpang Renggam. Kedua-dua OKT telah mengakui penerimaan penyerahan laporan kimia berkenaan dengan menandatangani pengakuan penerimaan dokumen tersebut pada salinan asal laporan kimia itu.

[55] Kes ini mula dibicarakan pada 8 Oktober 2007. Pada 11 Oktober 2007, semasa membuat semakan, SP13 mendapati salinan asal ini (yang mengandungi tandatangan pengakuan penerimaan oleh kedua-dua OKT) tidak ada dalam kertas penyiasatan. Beliau gagal untuk menemuinya walaupun telah berusaha untuk mencarinya. Beliau menegaskan sebelum berpindah ke Kuala Lumpur, beliau memang ada memasukkan salinan asal laporan kimia ini ke dalam kertas siasatan kes ini.

[56] Oleh kerana tiada pegawai penyiasat ganti, pada tarikh yang sama, beliau telah menghubungi Pengarah Jabatan Kimia, Johor Bahru, Encik Ahmad Ridzuan bin Ibrahim meminta bantuan beliau untuk mendapatkan salinan yang diakui sah laporan kimia yang disediakan oleh Encik Miskon bin Sulaiman tersebut. Namun beliau telah dimaklumkan bahawa Encik Miskon bin Sulaiman telah meninggal dunia kerana kanser usus pada 12 Disember 2003.

[57] Walau bagaimanapun beliau telah memperolehi dari pengarah tersebut:

(i) Salinan laporan kimia yang disediakan oleh arwah Miskon bin Sulaiman yang diakui sah — ditanda sebagai eksh ID38;

(ii) Sijil kematian Miskon bin Sulaiman — ditanda sebagai eksh P39(A);

(iii) Surat pengesahan Ketua Jabatan berkaitan dengan kematian Miskon bin Sulaiman — ditanda sebagai eksh P39(B).

[58] Peguambela yang bijaksana bagi pihak OKT1 telah membantah penerimaan masuk ID38 ini sebagai keterangan dan penandaannya sebagai eksh P atas alasan ID38 tersebut hendaklah terlebih dahulu diserahkan kepada kedua-dua OKT tidak kurang dari 10 hari dari tarikh perbicaraan kes ini bagi memenuhi keperluan-keperluan di bawah s 399 Kanun Acara Jenayah ('KAJ'). Namun TPR yang bijaksana berhujah pembuat ID38 telah meninggal dunia dan pihak pendakwaan bergantung kepada s 32(i) dan (j) Akta Keterangan 1950 untuk membawa masuk ID38 sebagai keterangan dan isu penyerahan kepada kedua-dua OKT adalah isu yang berbeza.

[59] Dalam perkara ini saya mendapati keperluan di bawah s 399 KAJ telah pun dipatuhi oleh pihak pendakwaan. Kedua-dua OKT telahpun diserahkan dengan sesalinan laporan kimia tersebut dan kedua-dua mereka telah mengakui penerimaan laporan kimia tersebut dengan menandatangani pengakuan penerimaannya pada salinan asal laporan kimia berkenaan. Keterangan ini yang disuling dari keterangan SP13 tidak pun dicabar oleh pihak pembelaan. Apa yang menjadi masalah sekarang hanyalah ketiadaan (kehilangan) salinan asal laporan kimia tersebut yang mengandungi pengakuan penerimaan laporan tersebut oleh kedua-dua OKT untuk dikemukakan sebagai keterangan. ID38 adalah salinan yang diakui sah laporan asal laporan kimia tersebut. Kesahihan ID38 juga tidak dicabar atau dipersoalkan oleh kedua-dua peguambela yang bijaksana bagi kedua-dua OKT.

[60] Dalam keadaan sedemikian, saya berpendapat tidak ada keperluan bagi ID38 diserahkan semula kepada kedua-dua OKT sebelum ianya boleh diterima masuk sebagai keterangan dan ditandakan sebagai eksh P. Kedua-dua OKT juga tidak memberi notis kepada pihak pendakwaan supaya pembuat ID38 tersebut dipanggil untuk memberi keterangan di bawah s399(1)(b) KAJ. Persoalan berkaitan dengan isu 'no proof of service' salinan asal laporan kimia tersebut tidak berbangkit, kerana bukti penerimaan dokumen tersebut melalui tandatangan penerima hanyalah soal prosidur sahaja. Selain dari fakta bahawa penerimaan penyerahan dokumen tersebut tidak dicabar oleh kedua-dua OKT, terdapat keterangan langsung secara oral dari SP13 yang menyatakan beliau telah menyerahkan salinan dokumen tersebut kepada kedua-dua OKT di Penjara Simpang Renggam pada 5 April 2003. Keterangan ini adalah mencukupi bagi maksud suatu penyerahan di bawah s 399 KAJ. Nyata kedua-dua OKT tidak mengalami sebarang prejudis di sini. Soal berbangkit di tahap ini ialah bagaimana ID38 boleh dibawa/diterima masuk sebagai keterangan.

[61] Tidak ada kesangsian bahawa dokumen ID38 adalah dokumen-dokumen di bawah definasi yang terangkum di bawah ss 74, 76 dan 77 Akta Keterangan 1950. Dengan demikian saya bersependapat dengan hujahan TPR yang bijaksana bahawa dokumen ini boleh diterima masuk sebagai keterangan dan ditandakan sebagai eksh P berdasarkan peruntukan ss 32(i) dan (j) Akta yang sama. Apa yang diperlukan ialah pihak pendakwaan mestilah memenuhi segala keperluan yang dituntut dibawah seksyen tersebut sebelum dokumen ID38 tersebut boleh diterima masuk sebagai keterangan (sila lihat *Public Prosecutor v Liew Oon Kiong* [1991] 3 CLJ 593). Dalam kes ini fakta-fakta dan keterangan mengesahkan bahawa: (i) ahli kimia yang membuat laporan asal ID38 telah meninggal dunia pada 12 Disember 2003 seperti mana ditunjukkan dalam eksh 39(A); (ii) semasa menjalankan analisa/cerakinan ke atas ekshibit-ekshibit yang dikemukakan kepada beliau,

arwah adalah seorang *public officer* yang bertugas dengan Jabatan Kimia Cawangan Johor Bahru, sepertimana ditunjukkan dalam eksh P39(B). Fakta ini juga tidak dipertikaikan oleh kedua-dua OKT; dan (iii) analisa serta laporan yang dibuat oleh arwah adalah dibuat *in the course of* atau untuk maksud satu penyiasatan kes jenayah yang dikendalikan oleh SP13. Fakta ini juga tidak dicabar oleh kedua-dua OKT. Oleh kerana segala keperluan telah dipenuhi, maka saya menerima masuk ID38 sebagai keterangan seraya memberi penandaan sebagai eksh P38.

[62] Kesan penerimaan masuk ID38 (sekarang P38) sebagai keterangan adalah seperti mana diperuntukkan dalam s 158 Akta Keterangan 1950 yang menyatakan:

> Whenever any statement relevant under section 32 or 33 is proved, all matters may be proved either in order to contradict or to corroborate it, or in order to impeach or confirm the credit of the person by whom it was made, which might have been proved if that person had been called as a witness and had denied upon cross-examination the truth of the matter suggested.

[63] Dalam kes ini arwah hanyalah seorang penjawat awam yang menjalankan tugas yang pada lazimnya dijalankan oleh seorang penjawat awam yang dilantik ke posisi sedemikian, tanpa sebarang kepentingan. Analisa yang dijalankan oleh beliau adalah satu analisa yang objektif yang dijalankan di atas permintaan pihak polis dan dilaksanakan bagi tujuan membantu siasatan. Beliau bukanlah seorang saksi 'who is patently not disinterested' di mana keterangannya/laporannya perlulah dinilai dengan penuh cermat dan berhati-hati untuk mengelakkan sebarang *miscarriage of justice*. Lebih-lebih lagi bila keterangan/laporannya tidak tertakluk kepada soalan-soalan balas oleh pihak OKT. Walau bagaimanapun perkara ini tidak menjadi isu dalam kes ini.

DAPATAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[64] Setelah mempertimbangkan segala keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dengan membuat penilaian maksima ke atas keterangan-keterangan tersebut, di akhir penutupan kes, saya mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap kedua-dua OKT. Di peringkat ini pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan kesnya melampaui tahap keraguan yang munasabah. (*Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65 — diikuti). Dengan itu kedua-dua OKT dipanggil untuk membela diri di atas pertuduhan yang dikenakan terhadap mereka berdua. Setelah ketiga-tiga pilihan untuk membela diri diterangkan, kedua-dua OKT memilih untuk membela diri

dengan cara memberi keterangan bersumpah.

KES PEMBELAAN

[65] OKT1 dalam pembelaannya menyatakan — beliau telah mengenali SP9 kira-kira tujuh ke lapan bulan sebelum kejadian. Pada malam kejadian beliau bersama OKT2 telah ke tempat SP9 untuk mendapatkan bekalan dadah dari SP9 dan lepak-lepak di situ sambil hisap dadah. SP9 bertanyakan mereka berdua apa masalah kerana nampak muka mereka macam bermasalah. Beliau memaklumkan tentang Azley (si mati) yang menipu wang mereka. SP9 kemudian suruh OKT2 telefon si mati datang dan dia boleh selesaikan masalah-masalah mereka. OKT1 menyatakan beliau tidak minta sebarang pertolongan daripada SP9. OKT2 kemudian telah menelefon si mati suruh datang. Semasa OKT2 menelefon, SP9 bertanyakan beliau bagaimana jika si mati tidak beri wang. Beliau menjawab tidak tahu dan SP9 telah suruh OKT1 ambil wang daripada si mati dan separuh diberikan kepada SP9 sebagai upah. Menurut OKT1 lagi, mereka berdua tidak ada niat langsung untuk berjumpa si mati pada malam itu. Mereka datang ke situ hanya untuk hisap dadah.

[66] Kira-kira sepuluh minit kemudian si mati datang ke Stesyen Bas Kluang dengan kereta Kelisa. Si mati memang kenal SP9 dan tahu di mana SP9 tinggal. Menurut OKT1 seterusnya beliau telah masuk kereta dan duduk depan di sebelah pemandu, manakala OKT2 duduk di belakangnya dan SP9 duduk di belakang pemandu (si mati). Semasa dalam kereta, si mati bertanya hendak ke mana dan SP9 menjawab ke tempat biasa. Si mati kemudian memandu ke tempat biasa simpan barang curi di Taman Desa Harmoni.

[67] Di Taman Desa Harmoni, kesemua empat orang telah keluar dari kereta. Si mati keluar membawa kayu baseball dan parang. Parang kemudiannya diletak di atas tempat duduk pemandu. Kesemua pergi ke belakang kereta. Si mati dan SP9 bersandar di bonet kereta, manakala beliau dan OKT2 berada di hadapan mereka. Selepas itu SP9 bertanyakan pasal wang kepada si mati serta turut memberitahu 'kami hendak bincang dan bukan gaduh'. Ketika itu SP9 meletakkan tangan di atas bahu si mati.

[68] OKT-1 seterusnya menyatakan si mati tiba-tiba marah sebab tiada orang sokong dia. Si mati menghayunkan kayu *baseball* dan terkena tangan SP9. Lepas itu pergelutan berlaku di antara SP9 dengan si mati. SP9 tolak si mati. Mereka berdua seolah-olah bergelut. Selepas bergelut si mati jatuh dekat tepi jalan. Bahagian kepala jatuh atas tanah dan bahagian kaki jatuh atas jalan tar. Selepas si mati jatuh, OKT2 telah merampas kayu *baseball* dari si mati. Beliau (OKT-1) tidak buat apa-apa. Hanya melihat sahaja apa yang berlaku.

[69] Selepas itu si mati bangun dan terus lari ke arah pintu kereta bahagian pemandu dan mengambil parang lalu terus menyerang OKT2. Ketika itu SP9 berada di sebelah kanan belakang kereta terduduk, menahan kesakitan.

[70] Ketika diserang OKT2 mempertahankan dirinya dengan menggunakan kayu *baseball* untuk lawan balik. OKT2 menghayunkan kayu *baseball* tiga kali tetapi kena kepala si mati hanya sekali. Namun si mati masih menyerang OKT2. OKT2 kemudian dapat menumbuk mata kiri si mati dan si mati kemudiannya jatuh di tepi jalan atas tanah tempat ada batu bata.

[71] Menurut OKT1 lagi, selepas si mati jatuh beliau terus ambil parang sebagai langkah berjaga-jaga, takut si mati bangun dan serang lagi. Beliau sendiri tidak buat apa-apa. OKT2 berdiri di hadapan si mati jatuh dan beliau berdiri di sebelah OKT2. SP9 kemudian datang ke tempat si mati jatuh, ambil dompet duit, handset dan kunci kereta si mati. Beliau nampak SP9 ambil barang-barang ini.

[72] SP-9 kemudian meminta mereka berdua lari dengan menaiki kereta. SP9 duduk di bahagian pemandu terus memandu kereta, beliau di kiri pemandu (SP-9) dan OKT2 duduk di belakang pemandu. Di dalam kereta SP9 menyerahkan dompet si mati kepadanya, manakala SP9 menyimpan handset.

[73] SP-9 turun di Stesyen Bas Kluang dan meminta kedua-dua OKT supaya kembali ke tempat kejadian untuk memastikan sama ada si mati sudah mati atau cuma pengsan. Kedua-dua mereka kembali ke tempat kejadian dan di situ menurut OKT1, beliau telah menguis-guis belakang si mati sama ada si mati telah mati atau cuma pengsan. Si mati tidak bergerak dan beliau pasti si mati sudah mati. Beliau bersama OKT2 kemudian kembali menemui SP9 dan memaklumkan si mati sudah mati. SP9 kemudian menyuruh mereka membuang kayu *baseball* dan parang ke dalam sungai. Selepas itu beliau balik rumah, tapi sebelum itu nampak alas kaki kereta dipenuhi dengan tanah. Beliau telah membuang alas-alas kaki kereta berkenaan di tempat buang sampah di Kampung Melayu, Kluang dan meninggalkan kereta di situ sebelum balik rumahnya yang berhampiran di situ.

[74] Dipendekkan keterangan, OKT1 mendakwa langsung tidak terlibat dengan pergaduhan di tempat kejadian yang membawa kepada kematian si mati. Beliau tidak terlibat langsung mencederakan si mati. Yang terlibat hanyalah OKT2, SP9 dan si mati sendiri. Beliau hanya menjadi penonton sahaja.

[75] Keterangan OKT2 dalam pembelaannya hampir-hampir *identical*

dengan keterangan yang diberikan oleh OKT1. Berbeza sedikit sahaja ketika menerangkan kejadian di tempat kejadian. Beliau menyatakan selepas SP9 bertanyakan wang bahagian hasil tv curi, si mati naik angin, ambil kayu *baseball* dan memukul SP9. Pukulan itu mengenai tangan SP9. Selepas itu berlaku pergelutan di antara SP9 dengan si mati. SP9 kemudian menolak si mati. Si mati jatuh tetapi sebelum si mati jatuh, beliau (OKT2) turut bergelut dengan si mati untuk merampas kayu *baseball*. Beliau berjaya merampas kayu *baseball* dari si mati selepas si mati jatuh.

[76] Si mati kemudian bangun dan pergi ke arah kereta, tempat duduk pemandu dan ambil parang, lalu menyerang OKT2. Untuk mempertahankan dirinya, OKT2 telah memukul kepala si mati dengan menggunakan kayu baseball sekali. Si mati masih cuba menyerang beliau. Dengan itu beliau memukul kepala si mati sekali lagi dengan kayu baseball tersebut dan juga menumbuk bahagian kiri mata si mati. Selepas kena tumbuk si mati jatuh.

[77] Keterangan seterusnya OKT2 adalah identikal dengan keterangan OKT1.

[78] Semasa disoalbalas OKT2 memberitahu masalah OKT1 dan beliau dengan si mati adalah kerana si mati tidak membahagikan kepada mereka wang hasil samun taukeh ladang kelapa sawit sebanyak RM10,000 ke RM11,000 yang disamun kira-kira lima ke enam hari sebelum malam kejadian. Beliau memang marah dengan sikap si mati.

[79] Diringkaskan keterangan, OKT2 mendakwa bahawa beliau memukul kepala si mati dua kali dengan menggunakan kayu *baseball* dan menumbuk mata kiri si mati sekali hanya untuk mempertahankan dirinya dari serangan si mati yang menyerangnya dengan menggunakan parang. Inilah teras pembelaan OKT2 yang dikongsi bersama oleh OKT1 seperti dihujahkan oleh peguambelanya yang bijaksana sejak dari kes pendakwaan lagi.

SAMA ADA KECUALIAN 2, S 300 KANUN KESEKSAAN TERPAKAI SEBAGAI PEMBELAAN KEDUA-DUA OKT

[80] Tugasan mahkamah sekarang adalah untuk meneliti sama ada fakta dan keterangan-keterangan yang wujud membuka ruang kepada OKT2 untuk menggunakan faedah di bawah kecualian 2 kepada s 300 Kanun Keseksaan untuk mewajarkan tindakannya ke atas si mati di sisi undang-undang. Beban untuk menunjukkan bahawa kecualian tersebut adalah terpakai adalah di atas bahu pihak pembelaan. Beban ini tidaklah

berat, cuma atas imbangan kebarangkalian sahaja. Sekiranya berjaya dibuktikan, kedua-dua OKT adalah berhak untuk dilepaskan dan dibebaskan. A

[81] Mengikut pihak pembelaan, kejadian bermula bila si mati memukul tangan SP9, diikuti dengan pergelutan di antara mereka dan kemudiannya SP9 menolak si mati hingga jatuh. Pergelutan ini menurut OKT1 berlangsung kira-kira lima minit, yang kemudian menukarnya kepada dua minit bila disoal semula oleh peguambelanya yang bijaksana. Walau apa pun tempoh lima minit atau dua minit adalah satu tempoh yang lama. Isu pergelutan dan SP9 menolak si mati hingga jatuh ini pada pandangan saya adalah isu teras, salah satu insiden asal yang memulakan/mencetuskan pergaduhan. Namun semasa SP9 disoalbalas isu ini langsung tidak diunjurkan kepada beliau. Apa yang dicadangkan hanyalah si mati menghayunkan kayu *baseball* dan mengenai tangan SP9 dan sejurus kemudian berlaku pergelutan. Kegagalan pihak pembelaan untuk mencadangkan kepada SP9 perihal SP9 menolak si mati hingga jatuh telah menafikan hak asas SP9 untuk memberikan penjelasannya berkaitan insiden tersebut. Lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana segala perlakuan yang negatif serta bercorak menghasut kejadian telah dihumbankan sepenuhnya ke atas bahu SP9. Maka adakah isu menolak ini satu 'afterthought' untuk melengkapkan skrip cerita? Inilah kecenderungan yang diambil oleh mahkamah. B C D E

[82] OKT-1 mengatakan si mati telah menghayunkan kayu *baseball* dan mengenai tangan SP9. OKT2 pula mengatakan si mati mengambil kayu *baseball* dan memukul SP9 dan pukulan itu mengenai tangan SP9. Pastinya pukulan/hayunan dibuat dengan daya yang cukup kuat. OKT1 dan OKT2 sendiri melihat SP9 mencangkung berhampiran kereta menahan kesakitan di tangannya. Dengan keadaan tangannya yang kesakitan, bagaimana SP9 mampu untuk bergelut dengan si mati selama dua minit atau lima minit dan kemudiannya menolak si mati hingga jatuh? OKT2 mengatakan beliau ikut bergelut dengan si mati sebelum si mati ditolak hingga jatuh oleh SP9. Selepas jatuh beliau telah merampas kayu *baseball* dari si mati. Namun OKT1 hanya mengatakan si mati jatuh selepas bergelut dengan SP9 dan OKT2 tidak pernah bergelut dengan si mati pada bila-bila masa sebelum si mati jatuh selepas bergelut dengan SP9. Percanggahan-percanggahan ini adalah percanggahan-percanggahan yang material yang menjejaskan kredibiliti kedua-dua OKT. Dengan demikian saya mendapati perihal OKT1 dan OKT2 nampak SP9 mencangkung menahan kesakitan di tangan berhampiran kereta tersebut adalah lebih *probable* dan lebih konsisten dengan keterangan SP9 semasa kes pendakwaan, bahawa OKT2 telah menyerang/memukul kepala SP9 dari belakang dengan menggunakan kayu *baseball* yang mana pukulan/hayunan itu telah mengenai tangannya terlebih F G H I

dahulu sebelum singgah di kepala si mati dan selepas tangannya kena pukul, beliau hanya mampu mencangkung menahan kesakitan di tangannya akibat pukulan tersebut.

[83] Kedua-dua OKT mengatakan si mati naik berang dengan tiba-tiba bila SP9 membangkitkan soal wang bahagian kedua-dua OKT hasil tv curi lantas memberi amaran kepada SP9 supaya jangan masuk campur dalam urusan berkenaan. Sejurus kemudian si mati memukul tangan SP9 dengan menggunakan kayu *baseball* diikuti dengan pergelutan di antara si mati dengan SP9. Sekiranya benar apa yang dikatakan oleh kedua-dua OKT jelas sekali kemarahan si mati hanya ditujukan kepada SP9 kerana SP9 membangkitkan soal pembahagian wang. Maka apa perlu OKT2 turut bergelut dengan si mati ketika si mati bergelut dengan SP9. Pada waktu yang material itu tidak ada indikasi langsung bahawa si mati sememangnya ingin menyerang OKT1 atau OKT2. Malah pada sepanjang masa dari saat si mati menemui kedua OKT di Stesyen Bas Kluang setelah dijemput oleh OKT2 hingga ke saat-saat akhir sebelum si mati kononnya menyerang SP9, tidak ada indikasi langsung bahawa si mati marah kepada mereka, atau berkelakuan aggresif terhadap mereka baik dalam bentuk tutur kata, *body language* atau tindakan-tindakan fizikal lain. Saksi-saksi kedua-dua pihak pendakwaan dan pihak pembelaan tidak ada mengatakan bahawa perjalanan dari Stesyen Bas Kluang hingga ke tempat kejadian dipenuhi dengan ketegangan. Tidak ada saksi dari kedua pihak yang mengatakan adanya pertengkaran di antara OKT1, OKT2, SP9 dengan si mati dalam perjalanan tersebut. Juga soal bahagian wang tersebut tidak dibangkit dalam perjalanan tersebut. Dalam keadaan ini tidak ada asas bagi kedua-dua OKT untuk mencurigai tindakan si mati. Lebih-lebih lagi bila kemarahan si mati nyata hanya ditujukan kepada SP9 dan yang diserang hanyalah SP9 dan pergelutan juga dengan SP9.

[84] OKT1, OKT2 dan si mati menganggotai kumpulan samun yang sama. Kedua-dua OKT menyatakan mereka menyamun kedai tv, komputer, taukeh ladang sawit, dan lain-lain bersama-sama. Kedua-dua OKT juga telah mengenali si mati lebih daripada sembilan bulan sebelum kejadian pada malam itu. Dan sebelum malam itu hasil samun dibahagi bersama. Digaulkan dengan keadaan-keadaan seperti yang dinyatakan dalam perenggan yang terdahulu di atas, maka ketika si mati bergelut dengan SP9 tidak ada kewajaran langsung bagi OKT2 untuk turut campur bergelut dengan si mati. Lebih-lebih lagi bila dari awal-awal lagi kedua-dua OKT menyatakan bahawa mereka berdua tidak ada niat langsung untuk menemui si mati pada malam itu berkaitan dengan pembahagian wang hasil samun berkenaan. Maka dalam keadaan ini kewajaran yang paling patut ialah sepatutnya kedua-dua OKT meleraikan pergelutan di antara si mati dengan SP9. Bukannya turut bergelut dengan si mati, lebih-lebih lagi bila si mati adalah kawan sepenyamunan kepada mereka dan tidak pernah sebelum itu

memberi apa-apa indikasi untuk bertindak aggresif terhadap kedua-dua OKT. Gambaran-gambaran di atas dengan jelas menunjukkan bahawa *scheme of events* yang berlaku pada malam itu adalah lebih konsisten dengan keterangan-keterangan yang diberikan oleh SP9.

[85] Maka dalam keadaan sebegini saya mendapati bahawa keterangan SP9 berkaitan dengan kejadian pembunuhan ini adalah lebih *credible* serta *probable*. SP9 tidak menganggotai kumpulan samun kedua-dua OKT dan si mati. Kebarangkaliannya adalah lebih tinggi untuk mempercayai bahawa SP9 tidak kenal atau pernah berjumpa si mati sebelum malam kejadian. Perjalananan dari Stesyen Bas Kluang ke tempat kejadian berjalan dengan aman. SP9 tidak membuat apa-apa untuk *provoke* atau menaikkan kemarahan si mati. Isu ini pun tidak dicadangkan oleh pihak pembelaan kepada SP9. Keterangan kedua-dua OKT juga tidak menyatakan bahawa SP9 telah berbuat sesuatu untuk mem*provoke* atau menaikkan kemarahan si mati. Dalam keadaan seperti ini adalah sukar untuk menerima keterangan kedua-dua OKT bahawa si mati tiba-tiba naik angin bila SP9 menimbulkan isu bahagian wang hasil samun berkenaan, lantas menyerang SP9 dengan menggunakan kayu *baseball* berkenaan. SP9 sendiri tidak menyatakan bahawa beliau telah diserang sedemikian rupa oleh si mati dan kemudiannya berlaku pergelutan dengan si mati.

[86] Saya mendapati SP9 adalah seorang saksi yang *forthright*. Beliau seorang yang lurus. Keterangannya adalah terus terang. Keterangannya juga adalah konsisten sepanjang waktu dari awal hingga akhir. Beliau juga telah disoalbalas secara teperinci. Tetapi beliau, kekal dengan keterangan asalnya. Maka sekiranya beliau telah diserang sedemikian rupa oleh si mati seperti dinyatakan oleh kedua-dua OKT, saya tidak nampak mengapa beliau perlu menidakkannya atau menafikannya atau tidak menyatakannya. Beliau tidak akan rugi apa-apa jika mengiakan serangan tersebut jika beliau telah benar-benar diserang oleh si mati sedemikian rupa pada malam itu. Maka saya menerima keterangan SP9 bahawa pada malam itu beliau tidak diserang oleh si mati tetapi OKT2lah yang menyerang si mati dari arah belakang dengan menggunakan kayu *baseball* yang mengenai tangannya dahulu sebelum mengenai kepala si mati.

[87] Saya juga menerima keterangan SP9 bahawa OKT1 turut menyerang si mati dengan cara memukul si mati dengan parang. Pendek kata saya menerima keseluruhan keterangan SP9 berkaitan dengan kejadian yang membawa kepada kematian si mati. Jelas OKT1 bukanlah hanya seorang penonton kepada kejadian ini. Penglibatan beliau dalam kejadian ini adalah sama aktif dengan penglibatan OKT2. Kedua-dua OKT nyata sekali adalah *aggressors* dalam kejadian ini.

[88] Saya juga mendapati sukar untuk menerima keterangan kedua-dua OKT bahawa ketika keluar daripada kereta, si mati turut membawa kayu *baseball* dan parang berkenaan di mana kayu *baseball* dibawa bersama ke tempat dia bersandar pada kereta manakala parang tersebut diletakkan di tempat duduk pemandu. Ini adalah kerana keterangan menunjukkan tidak ada sebab bagi si mati mencurigai tindakan kedua-dua OKT hingga mewajarkan si mati bersiap sedia dengan senjata-senjata berkenaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan dari tindak balas kedua-dua OKT. Seperti dinyatakan dalam perenggan-perenggan yang terdahulu si mati menerima dengan baik jemputan OKT2 untuk keluar malam itu bagi mengambil komputer curi, walaupun hari telah lewat malam. Perjalanan dari Stesyen Bas Kluang ke tempat kejadian juga berjalan dengan aman tanpa pertengkaran atau kekecohan. Keadaan juga masih aman ketika keempat-empat mereka pada akhirnya keluar daripada kereta. Dengan itu tidak ada sebab bagi si mati menaruh sebarang syak wasangka terhadap kedua-dua OKT mahupun SP9. Lebih-lebih lagi kedua-dua OKT adalah rakan sepenyamunan beliau dan telah terlibat bersama secara aktif dalam pelbagai kegiatan samun dan rompakan sejak lapan atau sembilan bulan sebelum kejadian malam itu. Kali akhir mereka menyamun bersama-sama adalah kira-kira lima ke enam hari sebelum malam kejadian. Kesimpulan dari fakta-fakta ini saya mendapati keterangan SP9 bahawa OKT2 telah mengambil kayu *baseball* dari bawah kereta tempat duduk pemandu (si mati) dan membawanya bersama-sama keluar adalah lebih *probable* dilihat dari keseluruhan fakta dan keterangan yang menyelubungi kes ini. Lebih-lebih lagi bila OKT2 sendiri mengaku beliau memang marah terhadap sikap si mati yang enggan memberikan bahagian wang hasil samunnya yang diperolehi hasil menyamun taukeh ladang kepala sawit kira-kira lima ke enam hari sebelum malam kejadian.

[89] SP-9 tidak tahu dari mana datangnya parang yang digunakan oleh OKT1. Dari Stesyen Bas Kluang hingga sampai ke tempat kejadian dan keluar daripada kereta, beliau tidak nampak OKT1 atau OKT2 membawa parang itu pada bila-bila masa. Beliau juga amat pasti parang itu tidak dibawa keluar oleh si mati. Pertama kali beliau nampak parang itu ialah ketika beliau mendongak semula selepas menahan kesakitan ditangannya akibat pukulan OKT2 dengan kayu *baseball* dan nampak OKT1 menggunakan parang itu untuk memukul si mati di kepala dan badan si mati. Semasa beliau meletakkan tangannya di bahu si mati dan bertanyakan soal wang tersebut beliau juga tidak nampak si mati memegang parang tersebut. Dalam keadaan seperti ini saya bersependapat dengan hujahan TPR yang bijaksana bahawa inferens yang paling sesuai ialah parang itu sememangnya ada disorokkan di tempat kejadian dan OKT1 mengambil parang itu ketika berpura-pura mencari komputer di kawasan semak-semak di tempat kejadian. Kebarangkaliannya adalah amat tipis bahawa parang itu diambil oleh si mati dari tempat di bahagian tempat duduk pemandu atas alasan-alasan yang

dinyatakan dalam perenggan-perenggan terdahulu. Juga amat tipis parang itu diambil oleh si mati dari tempat duduk bahagian pemandu kereta kerana menurut SP9 si mati hanya mampu mencangkung/membongkokkan badan menahan kesakitan di kepalanya selepas kena hayunan pertama kayu baseball yang dihayunkan oleh OKT2. Si mati tidak ada peluang langsung kerana selepas itu beliau telah dengan serta merta diserang bertubi-tubi oleh kedua-dua OKT1 dan OKT2.

[90] Keterangan perubatan juga tidak menyokong keterangan kedua-dua OKT malah lebih memihak kepada keterangan SP9. Laporan post mortem yang dikendalikan oleh pakar patologi SP14 telah dikemukakan dan ditanda sebagai P40. Seperti dalam P40, SP14 telah mengesan 23 kecederaan luaran pada tubuh badan si mati. Kecederaan ini terdapat pada kepala, muka dan tubuh badan. Sifat dan taburan kecederaan ini menyokong keterangan SP9 yang menyatakan semasa pukulan-pukulan dibuat oleh OKT1 dan OKT2, si mati berada dalam kedudukan mencangkung/membongkokkan badan dengan kedua belah tangannya melindungi bahagian kepala. Kecederaan-kecederaan ini menunjukkan si mati tidak berbuat apa-apa melainkan hanya melindungi dirinya. Sifat dan taburan kecederaan si mati menunjukkan kejadian tidak berlaku seperti naratif OKT1 dan OKT2. Sekiranya benar apa yang dikatakan oleh OKT2 bahawa beliau cuma memukul si mati 2 kali sahaja, yang mana selepas pukulan kedua si mati terus jatuh dan tidak bergerak, pastinya pada tubuh si mati akan hanya terdapat dua kecederaan di kepala. Lebih-lebih lagi bila OKT2 mengatakan langsung tidak menyentuh si mati. Tetapi kecederaan seperti direkodkan dalam P40 menunjukkan terdapat 23 kecederaan luaran tubuh badan si mati. Ini dengan sendirinya mendedahkan 'falacies' keterangan-keterangan kedua-dua OKT.

[91] Taburan kecederaan pada tubuh si mati juga tidak menyokong wujudnya pergelutan setelah si mati jatuh kerana kecederaan tertumpu pada bahagian anggota badan sebelah atas. Sekiranya pergelutan berlaku di atas permukaan tanah atau jalan bertar, maka taburan kecederaan termasuk *lacerations, abrasions* dan *bruises* akan turut berselerak pada bahagian badan sebelah bawah. Tiada corak taburan kecederaan sedemikian pada tubuh badan si mati.

[92] OKT2 menyatakan beliau telah memukul kepala si mati sebanyak dua kali sebagai tindakannya mempertahankan dirinya dari serangan si mati yang menggunakan parang. OKT1 pula menyatakan hayunan OKT2 hanya mengenai kepala si mati satu kali sahaja. Namun SP14 menyatakan kecederaan yang dialami oleh si mati dibahagian kepala menunjukkan adanya empat *separate injuries* yang dikenakan. SP14 turut menyatakan bahawa empat kecederaan (impact) ini tidak mungkin berlaku secara serentak. Ini bermakna paling minima ada empat kali pukulan dikenakan ke bahagian

kepala si mati. Keempat-empat kecederaan ini langsung tidak menyokong pembelaan OKT1 yang menyatakan OKT2 memukul kepala si mati satu kali sahaja dan OKT2, yang menyatakan hanya memukul kepala si mati dua kali sahaja.

[93] Keterangan SP9 mengenai pukulan-pukulan yang sekuat hati yang dihayunkan oleh kedua-dua OKT juga disokong oleh kecederaan-kecederaan di bahagian kepala si mati. SP14 menyatakan dalam kes ini daya yang dikenakan adalah agak kuat kerana daya itu telah menyebabkan tengkorak kepala retak dan pendarahan yang *massive*. Kecederaan dalaman kepala si mati juga menunjukkan betapa kuatnya daya yang dikenakan sehingga menyebabkan kecederaan-kecederaan yang sebegitu. Pemeriksaan dalaman menunjukkan terdapat pendarahan di bahagian otot sisi kepala (temporalis), yang mana pendarahan di sebelah kiri adalah lebih *massive*. Tengkorak juga retak sepanjang 5 cm di tulang temporal kiri. Juga terdapat retak engsil di bahagian tengkorak. Keretakan juga terdapat pada atas soket mata kanan. Otak menunjukkan pendarahan subarachnoid pada bahagian depan cerebrum kiri, manakala di bahagian kanan otak juga terdapat pendarahan yang sama. Terdapat juga lebam pada bahagian dasar otak bahagian depan dan otak kanan sisi.

si mati juga mengalami kecederaan *tramline bruises* sepanjang 6 x 0.5cm *separated by 2 cm on outer back upper one-third of right arm* dan *tramline bruises* sepanjang 7 x 1cm *and separated 1.5 cm on right middle back*. SP14 menyatakan kecederaan ini mencadangkan pengunaan benda yang silinder seperti kayu *baseball* dan kesan ini timbul kerana mengenai pada bahagian kulit tetapi kesan ini tidak akan timbul jika mengenai bahagian kepala. Kedua-dua *tramline bruises* ini adalah konsisten dengan keterangan SP9 bahawa si mati telah dipukul bertubi-tubi oleh OKT2 dan OKT1. Ia juga konsisten dengan keterangan SP9 bahawa ketika dipukul, si mati dalam keadaan mencangkung/membongkokkan badan sambil kedua-dua tangannya melindungi bahagian kepalanya.

[94] OKT2 menyatakan telah menumbuk bahagian mata kiri si mati yang kemudiannya menyebabkan si mati rebah/jatuh ke bumi. OKT1 menyokongnya dengan mengatakan beliau nampak OKT2 menumbuk bahagian mata kiri. Namun SP14 menyatakan bahawa kecederaan hanya terdapat pada bahagian pipi kiri dan kecederaan itu lebih mencadangkan sentuhan kepada suatu benda tumpul dan tidak mungkin disebabkan oleh penumbuk kerana penumbuk dianggap benda yang lembut. Dengan itu keterangan ini tidak menyokong keterangan OKT1 dan OKT2 yang menyatakan OKT2 telah menumbuk mata kiri si mati.

[95] OKT1 dan OKT2 menyatakan mereka kembali ke tempat kejadian dan kuis-kuis belakang badan si mati dengan parang secara tidak kuat untuk

memastikan sama ada si mati sudah mati atau sebaliknya. Sebelum itu OKT1 menyatakan beliau langsung tidak menyentuh si mati walaupun ketika itu beliau telah berjaya merampas parang dari si mati setelah si mati jatuh. Tetapi keterangan perubatan menunjukkan wujudnya empat *incised wounds* pada tubuh si mati seperti kecederaan (h), (n), (q) dan (u) dalam P40. Kecederaan ini tidak akan berlaku sekiranya parang itu tidak digunakan dalam menyerang si mati. Makanya kecederaan ini adalah konsisten dengan keterangan SP9 bahawa OKT1 ada menggunakan parang ketika menyerang/memukul si mati dalam kejadian tersebut. Walaupun SP14 menyatakan jika parang yang diekshibitkan di mahkamah digunakan, kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati akan lebih parah dan tidak seperti yang ada dan dengan itu tidak mencadangkan parang ini telah digunakan, ianya tidak boleh mengenepikan atau *substitute* keterangan saksi mata (SP-9) yang secara langsung melihat sendiri OKT1 menggunakan parang itu untuk menyerang/memukul si mati. Lebih-lebih lagi bila saya dapati kredibiliti SP9 adalah *intact* sepanjang masa hingga penutupan kes pihak pembelaan. Keterangan yang terbaik adalah keterangan langsung (direct) dari saksi yang menyaksikan kejadian ini. OKT1 sendiri tidak menafikan parang yang diekshibitkan di mahkamah bukanlah parang yang beliau rampas dari si mati pada malam itu dan digunakan untuk menguis-guis belakang si mati.

[96] SP14 menyatakan kayu *baseball* boleh menyebabkan kecederaan di kepala, leher, mulut dan *neck fracture*. Walaupun beliau bersetuju dengan cadangan umum peguambela yang bijaksana bahawa *luka-luka bruises, abrasions* dan *lacerations* boleh diakibatkan oleh pergelutan atau jatuh atas jalan bertar, namun beliau menyatakan dengan mengambilkira kecederaan dan corak kecederaan pada jasad si mati, ianya tidak mencadangkan kecederaan-kecederaan tersebut adalah diakibatkan dari jatuh di atas jalan bertar. Keterangan ini juga amat konsisten dengan keterangan SP9. Sebelum itu beliau menolak sama sekali cadangan peguambela yang bijaksana bahawa kecederaan yang teruk pada kepala si mati adalah diakibatkan oleh jatuh dan kepala kena pada batu-batu di atas jalan.

[97] Dinilai secara keseluruhan dan mengambilkira dapatan SP14 saya berpendapat bahawa keseluruhan kecederaan yang dialami oleh si mati tidak mungkin diakibatkan oleh pergelutan atau jatuh di tempat kejadian. Ianya adalah akibat dari pengenaan dengan sengaja daya yang kuat dengan menggunakan benda-benda tumpul dan tajam sebagai mediumnya. Di sini benda-benda tersebut adalah kayu *baseball* dan parang berkenaan.

[98] Dengan demikian, adalah dapatan saya bahawa pertimbangan dari keseluruhan kecederaan yang dialami oleh si mati ianya langsung tidak menyokong versi pembelaan. Sebaliknya kecederaan yang dialami oleh si

mati menyokong sepenuh versi SP9 secara material mengenai kejadian yang berlaku. Tidak ada alasan untuk pihak saya menolak atau pun meragui keterangan SP9 seperti dikatakan di perenggan-perenggan yang terdahulu. SP9 merupakan seorang saksi yang *forthright*, lurus serta memberikan testimoni yang terus terang. Keterangannya juga adalah konsisten sepanjang masa tanpa percanggahan-percanggahan yang material. Beliau tidak mempunyai apa-apa kepentingan dalam kes ini. Keterangannya adalah juga konsisten dengan keterangan perubatan seperti dihuraikan oleh SP14. Kesimpulannya ialah SP9 adalah seorang saksi yang bercakap benar.

DAPATAN SAMA ADA KECUALIAN 2, S 300 KANUN KESEKSAAN ADALAH TERPAKAI SEBAGAI PEMBELAAN

[99] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang diperincikan dalam keseluruhan perenggan-perenggan yang terdahulu, adalah dapatan fakta saya bahawa OKT2lah yang memulakan serangan ke atas si mati yang mana hayunan pertama kayu *baseball*nya telah mengenai kepala si mati dengan daya yang cukup kuat hingga menyebabkan kecederaan kepala seperti diperincikan oleh SP14. Pukulan pertama ini telah menyebabkan si mati tidak mampu berbuat apa-apa melainkan mencangkung/membongkokkan badan menahan kesakitan di kepalanya sambil kedua-dua tangan cuba melindungi kepalanya. Serangan/pukulan OKT2 tidak berhenti di situ. Beliau meneruskan serangannya bertubi-tubi dengan disertai oleh OKT1 bersama-sama yang menggunakan parang berkenaan yang mana pada akhirnya si mati terjatuh dan terkulai tanpa bergerak lagi, langsung terus mati. Jumlah kecederaan luaran si mati (23 kecederaan semuanya) yang berbagai corak dan taburan dan kecederaan dalaman pada kepala yang teruk seperti ditunjukkan dalam eksh P40 adalah testimoni nyata serangan bertubi-tubi ini. Serangan bertubi-tubi dari kedua-dua OKT langsung tidak memberi peluang kepada si mati untuk berbuat apa-apa hatta mempertahankan dirinya sendiri sekalipun. Kedudukan beliau umpama *punching bag* yang dilanyak tanpa mampu bertindak balas. Keterangan-keterangan langsung tidak menunjukkan si matilah yang memulakan serangan. Inilah juga dapatan fakta saya.

[100] Dalam keadaan seperti ini dan atas fakta-fakta dan keterangan yang dikemukakan, adalah dapatan lanjut saya bahawa OKT1 dan OKT2 gagal atas imbangan kebarangkalian (*balance of probabilities*) untuk melepaskan bebanan bahawa tindakan-tindakan mereka adalah satu kewajaran *in the exercise of the right of private defence of their persons* seperti diperuntukkan di bawah kecualian 2 s 300 Kanun Keseksaan. (Prinsip-prinsip pemakaian *exercise of the right of private defence* seperti yang digariskan dalam kes *Wong Teck Choy v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 693 dan *Sainal Abidin b Mading v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 497, diikuti). Atas fakta-fakta dan

keterangan seperti yang dihuraikan di atas jelas sekali kecualian 2 s 300 Kanun Keseksaan *is not available* kepada kedua-dua OKT. Isu kedua-dua OKT bertindak untuk mempertahankan diri dari serangan si mati langsung tidak wujud atau timbul sama sekali.

[101] Dari sifat kecederaan yang dikenakan ke atas si mati adalah jelas bahawa kedua-dua OKT memang berniat untuk menyebabkan kematiannya. Serangan dilancarkan bertubi-tubi oleh kedua-dua mereka terhadap si mati dan si mati tidak berupaya untuk melawan. Tambahan pula si mati sememangnya tidak bersenjata. Kedatangan kali kedua OKT1 dan OKT2 ke tempat kejadian mengukuhkan lagi niat untuk membunuh si mati kerana kedatangan kali kedua mereka itu adalah untuk memastikan sama ada si mati telah benar-benar mati.

[102] Adalah sesuatu yang meragukan untuk kedua-dua OKT mengatakan SP9 yang menyuruh mereka membuang kayu *baseball* dan parang kerana kedua-dua senjata itu hanya digunakan oleh OKT1 dan OKT2 sahaja dan tidak ada kena mengena dengan SP9. Tambahan pula kedua-dua mereka turut membuang karpet alas kaki kereta walaupun tidak disuruh oleh SP9. Sebenarnya kedua-dua OKT tahu apa yang mereka buat tanpa perlu disuruh oleh SP9 memandangkan pengalaman-pengalaman dari kegiatan haram mereka selama ini. Kedua-dua OKT bukanlah budak hingusan yang naïf. Kedua-dua OKT mengambil peluang untuk menghumban segala kesalahan di atas bahu SP9 hanya kerana SP9 turut hadir di tempat kejadian dan bersedia mengambil upah sebagai balasan untuk membantu mereka mendapatkan wang hasil curi/samun daripada si mati.

DAPATAN DI AKHIR KES PEMBELAAN

[103] Pada akhirnya atas keterangan-keterangan dan fakta-fakta yang dikemukakan adalah dapatan saya bahawa kedua-dua OKT1 dan OKT2 telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Sebaliknya pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya ke atas kedua-dua OKT1 dan OKT2 tanpa keraguan yang munasabah. Dengan itu saya mendapati OKT1 dan OKT2 bersalah di atas tuduhan seperti yang dikenakan ke atas kedua-dua mereka dan mensabitkan kedua-dua mereka di atas perkara yang sama. Oleh kerana terdapat hanya satu hukuman ke atas kesalahan ini maka saya menghukum kedua-dua OKT1 dan OKT2 dengan hukuman digantung sampai mati dengan menggunakan tali.

Kedua-dua tertuduh dihukum gantung sampai mati.

Reported by M Sivabarathi